

**PARLIMEN**  
**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN  
KEDUABELAS 2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan  
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan  
Rakyat Daripada Kementerian**

**HARIISNIN: 5 APRIL 2010**

CAWANGAN  
PERUNDANGAN PARLIMEN  
MALAYSIA.

## **KANDUNGAN**

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LIS AN YANG TIDAK D APAT DI JAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 6,11 HINGGA 73)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 5  
DAN 7 HINGGA 10 [RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHL) PERTANYAAN BfGI JAWAB USAN DEWAN RAKYAT  
MALAYSIA

PERTANYAAN: JAWAB USAN

: YB DATO' SERI ABDUL HABI SIN AWANG

DARIPADA TARIKH **PARANG]**

SOALAN &}; Date' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
**: 5 APRIL 2010**

[

M

ARANO] minta MENTERI LUAR NEGERI

menyatakan sikap Malaysia terhadap tindakan  
Mesir menutup sempadan Gaza untuk bantuan  
kemanusiaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Marang di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia berpendirian bahawa sebagai sebuah negara yang berdaulat, Kerajaan Mesir mempunyai hak membuat pertimbangan untuk mentrtup pintu sempadannya dengan Gaza bagi mengawal keadaan keselamatan di kawasan tersebut. Sungguhpun demikian, Malaysia yang sentiasa peka dengan kesengsaraan rakyat Palestin di Gaza akan terus berusaha untuk mendapatkan persetujuan Kerajaan Mesir dari semasa ke semasa bagi membuka dan membenarkan bantuan kemanusiaan dihantar dan disalurkan melalui pintu sempadan tersebut. Malaysia juga sering merakamkan kebimbangannya terhadap penutupan sempadan oleh Kerajaan Mesir kerana tindakan tersebut akan menyukarkan bantuan kemanusiaan dihuiurkan kepada rakyat Palestin di Gaza yang amat memerlukannya.

3. Dalam hal ini, Kerajaan Mesir telah memaklumkan bahawa pihak berwajib di Mesir sentiasa peka terhadap keperluan rakyat Palestin untuk mendapatkan bantuan kemanusiaan. Kerajaan Mesir juga menegaskan bahawa mereka sentiasa memberi pertimbangan yang sewajarnya ke atas

sebarang bantuan kemanusiaan yang disalurkan. Pada masa ini, Mesir hanya menerima bantuan kemanusiaan yang tidak diiringi ataupun 'non-accompanied aid' (dengan izin) oleh sesiapa pun (*seperti pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan sebagainya*), yang akan diserahkan secara rasmi kepada pihak berkuasa Mesir. Seterusnya bantuan ini akan dihantar kepada pihak Palestin di Gaza melalui cara yang bersesuaian.

4. Malaysia akan terus berusaha membangkitkan isu kesengsaraan rakyat Palestin sekiranya ada keperluan dalam pertemuan dengan pemimpin-pemimpin Mesir.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAH UAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

|            |                                       |
|------------|---------------------------------------|
| PERTANYAAN | LISAN                                 |
| TARIKH     | 5 APRIL 2010 (ISNIN)                  |
| DARIPADA   | Y.B. TUAN TIONG THAI KING<br>(LANANG) |

**SOALAN**

**Y.B. TUAN TIONG THAI KING (LANANG)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan

- (a) apakah pandangan Kerajaan terhadap masalah pembuangan gula-gula kunyahan seperti gula getah di tempat-tempat awam; dan
- (b) adakah Kerajaan merancang untuk mengharamkan penjualan gula-gula getah seperti mana yang diamalkan di Singapura.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembuangan gula- gula kunyahan seperti gula getah sekiranya boleh merosakkan harta awam milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh diambil tindakan di bawah Undang-Undang Kecil vandalisme.

vandalisme sebagaimana dinyatakan dalam undang-undang Kecil vandalisme pbt adalah '*melakukan apa-apa perbuatan yang menyebabkan kerosakan harta Majlis*'. Untuk makluman, Kerajaan adalah berpandangan bahawa masalah pembuangan gula-gula getah di tempat awam ini merupakan suatu masalah kesedaran sivik (*civic consciousness*) atau budi bahasa di kalangan masyarakat itu sendiri. Pemupukkan kesedaran sivik khususnya dalam pendidikan moral dan pendidikan Islam di peringkat sekolah perlu ditekankan bagi meningkatkan kebertanggungjawaban setiap orang kepada aspek kebersihan dan alam sekitar, termasuk pengendalian pembuangan gula-gula kunyahan.

- (b) Untuk makluman, Kerajaan tidak merancang untuk mengharamkan penjualan gula-gula getah seperti yang diamalkan di Singapura.

sungguhpun tindakan pengharaman gula-gula getah dilaksanakan di Singapura bermula tahun 1992 ia tidak semestinya dijadikan penanda aras (*benchmarking*) kepada Kerajaan agar melaksanakan suatu tindakan yang sama. Hal ini kerana, pelbagai aspek seperti kebaikan gula-gula getah dari sudut kesihatan perlu diambilkira seperti penggunaan *nicotine gum* yang digunakan sebagai bahan alternatif bagi

mengatasi masalah ketagihan merokok. Selain itu *xylitol gum* suatu gantian gula yang terdapat dalam gula-gula getah berfungsi dalam mengurangkan bakteria dalam mulut dan menghindar kaviti serta membantu '*oral hygiene*'. Masalah sebenar berhubung gula-gula getah ini adalah pembuangan yang



merata-rata dan bukanlah penjualannya semata-mata. Oleh yang demikian, kesedaran sivik serta pendidikan berhubung kebersihan amatlah penting dan didikan ini perlu diberikan seawal dari rumah. Penekanan lanjut berhubung aspek kebersihan ini juga perlu diterapkan melalui kempen serta aktiviti kebersihan dan kesihatan di peringkat sekolah.

Kementerian Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

April 2010

NO.AUM : 23

NO. AUP : \V-

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

LISAN

PERTANYAAN

TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [ SIK ]

DARIPADA

5 APRIL 2010

TARIKH

2439

RUJUKAN

**SOALAN:**  
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [ Sik ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan dan kedudukan anggota Polis yang ditempatkan di Balai Polis Sik mengikut Jabatan / Unit mereka ditugaskan.



Tuan Yang Dipertua,

~~JAWAPAN~~  
Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sik yang telah mengemukakan Soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Balai Polis Sik mempunyai kekuatan seramai 24 orang dengan diketuai oleh seorang Ketua Polis Balai berpangkat Sarjan Mejar serta dibantu oleh seramai 5 orang berpangkat Koperal, 14 orang berpangkat Konstabel dan 4 orang Konstabel Sokongan. Selain itu juga, terdapat seramai 6 orang anggota polis yang berpangkat Konstabel ditempatkan untuk bertugas di 3 Pondok Polis di bawah Balai Polis Sik iaitu Pondok Polis Teloi Timur, Pondok Polis Gulau dan Pondok Polis Beris Jaya.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**                      **LISA  
N**  
**DARI PAD A**                      **Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG  
(SIBUTI)**  
**TARIKH**                              **05.04.2010**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [ SIBUTI ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah guru-guru lepasan KPLI mempunyai persediaan dari segi psikologi untuk berkhidmat ke kawasan luar bandar terutama guru-guru terlatih di Semenanjung Malaysia apabila ditawarkan mengajar ke kawasan luar bandar Sarawak kerana terdapat masalah apabila ditawarkan mengajar ke Pedalaman Sarawak, guru-guru tidak fokus dan majoriti memikirkan untuk berpindah semula ke negeri masing-masing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan mengambil berat akan kebajikan setiap guru. Justeru, di peringkat latihan, KPM melalui Bahagian Pendidikan Guru (BPG) memberi penekanan dalam persediaan bakal-bakal guru yang ditempatkan ke sekolah-sekolah seluruh negara termasuklah di luar bandar dan pedalaman dari segi pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan psikologi. Penekanan ini diberikan melalui pelbagai program dan aktiviti seperti Program Bina Insan Guru untuk membina ketahanan dalam pelbagai persekitaran. Di samping itu, modul-modul khas dibina untuk kaedah khas pengajaran dan pembelajaran (p&p), pengurusan pelajar dan kelas bercantum untuk keperluan p&p. Selain itu, melalui latihan praktikum, guru pelatih juga diberi pengalaman mengajar dalam pelbagai situasi sebenar di sekolah iaitu di kawasan bandar, luar bandar dan pedalaman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua (2) buah Institusi Pendidikan Guru (IPG) iaitu di Keningau, Sabah dan Miri, Sarawak yang dikhususkan melatih bakal guru yang akan ditempatkan di kawasan pedalaman. Langkah ini diharap dapat mengatasi masalah kekurangan guru di sekolah-sekolah pedalaman yang berlaku khususnya di negeri-negeri tersebut.

NO. AUM : 46

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA TUAN LISAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]

TARIKH 5 APRIL 2010

RUJUKAN 2441

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah cadangan untuk menambah bilangan Ibu Pejabat Daerah Polis di Kuala Lumpur, di mana dan bila pelaksanaannya akan dilakukan memandangkan IPD Sentul sekarang bertanggungjawab untuk memantau 6 kawasan Parlimen.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Segambut yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kajian penyusunan dan persempadanan semula daerah-daerah polis kini sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Aspek kajian yang dijalankan antara lain merangkumi perwujudan balai-balai polis baru, menaik taraf pondok-pondok polis serta balai-balai sedia ada dan menaik taraf perjawatan pegawai-pegawai polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pewujudan sesuatu daerah polis yang baharu adalah mengambil kira kriteria-kriteria seperti berikut:

- i) keluasan sesuatu kawasan;
- ii) kepadatan penduduk dan nisbah berbanding polis;
- iii) kedudukan kadar jenayah indeks, jenayah narkotik dan jenayah komersial;
- iv) ancaman keselamatan yang dihadapi oleh kawasan terbabit;



- v) kepesatan aktiviti pembangunan fizikal, perdagangan dan sebagainya; dan
- vi) jangkaan pembangunan masa hadapan.

Tuan yang Dipertua,

Cadangan untuk menambah bilangan IPD baru bagi Kuala Lumpur sedang dilaksanakan sejajar dengan pelan pembangunan zon strategik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Di bawah persempadanan baru, pentadbiran daerah polis bagi Kuala Lumpur dibahagikan kepada 8 daerah berbanding 6 daerah sebelum ini iaitu Pusat Bandaraya, Wangsa Maju- Maluri, Sentul-Manjalara, Damansara-Pencala, Bukit Jalil-Seputih dan Bandar Tun Razak- Sungai Besi. Sebanyak dua [2] daerah polis yang baru diwujudkan iaitu IPD Wangsa Maju (pecahan dari IPD Sentul) dan IPD Kiara Mas (pecahan dari IPD Brickfield). Melalui pertambahan dua [2] IPD baru ini, beberapa buah balai akan diwujudkan atau dinaiktaraf sejajar dengan keperluan semasa.

**SOALAN NO: 15**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN

TARIKH: 5 APRIL 2010

SOALAN:

Y.B. Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan mengikut penyataan Malaysia Employers Federation pengaliran bakat adalah lebih kepada aliran keluar dari masuk, dan mengikut angka mereka terdapat lebih kurang 785,000 rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara di mana 2/3 dari jumlah ini adalah rakyat yang pakar dan berpendidikan tinggi. Apakah perancangan Kementerian bagi menarik balik pakar rakyat Malaysia kembali ke tanah air.

PR-1231-L35085

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu saya memohon izin Tuan Yang Di Pertua untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama pertanyaan daripada Yang Berhormat Pulaui pada 7 April 2010 kerana ia berkaitan isu yang sama.

Dalam era globalisasi dan sebagai sebuah negara yang mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi, rakyat diberi kebebasan untuk memilih pekerjaan di dalam mahupun di luar negara. Kerajaan tidak dapat menghalang mana-mana pihak atau individu untuk bekerja di luar negara.

Isu rakyat berhijrah keluar negara (*brain drain*) bukan hanya dihadapi oleh Malaysia bahkan oleh negara-negara maju lain. Ini boleh dibuktikan melalui analisis nisbah yang telah Kementerian Sumber Manusia (KSM) laksanakan. Dapatan analisis nisbah antara penduduk di luar negara dan populasi menunjukkan Malaysia (1:36) lebih baik berbanding New Zealand (1:8), United Kingdom (1:15), Singapura (1:18), Lao PDR (1:18), Brunei (1:22), Kanada (1:26) dan Filipina (1:27).

Keadaan ini disebabkan oleh beberapa faktor di antaranya adalah seperti berikut:

- i. **Faktor gaji lumayan** yang ditawarkan oleh sesetengah syarikat asing di negara-

- negara;
- ii. Ramai pelajar/rakyat Malaysia yang **ingin mendapatkan pengalaman bekerja di luar negara** setelah menamatkan pengajian di negara asing dan ini kerana keinginan untuk meningkatkan kemahiran, memperoleh pendapatan yang tinggi **dan untuk menikmati taraf hidup yang lebih baik.** dan
  - iii. **Mengikut suami atau isteri berhijrah** ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, KSM melalui usaha menarik minat mereka untuk bekerja di Malaysia telah dilaksanakan KSM semenjak tahun 2001 menerusi **Program Menggalakkan Warganegara Malaysia Berkepakaran Yang Bekerja di Luar Negara Pulang ke Malaysia.** Sehingga 31 Mac 2010, sebanyak 1,500 permohonan telah dipertimbangkan dan 866 daripadanya telah diluluskan. Dalam jumlah itu, sebanyak 634 pemohon telah pulang secara rasmi dan telah bekerja di Malaysia.

Program Pakar ini memberikan insentif kepada pemohon dan kemudahan kepada pasangan sama ada suami atau isteri dan anak-anak. Antara insentif yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- i. Semua **barangan persendirian** yang dibawa balik **dikecualikan daripada cukai;**
- ii. Dua (2) **buah kereta yang dibawa balik dikecualikan daripada duti import, duti eksais dan cukai jualan.** Bagi permohonan oleh suami isteri, bilangan kereta yang dikecualikan daripada duti import, duti eksais dan cukai jualan adalah dihadkan kepada dua (2) buah kereta sahaja;
- iii. Isteri atau suami dan anak pemohon yang bukan rakyat Malaysia diberi **taraf Pemastautin Tetap (PR) dalam tempoh enam (6) bulan selepas balik ke Malaysia;**
- iv. **Anak-anak pemohon** yang sedia ada diberi **kelonggaran memasuki sekolah antarabangsa** apabila kembali ke Malaysia. Kemudahan ini tidak terpakai bagi anak-anak pemohon yang lahir di Malaysia selepas daripada tarikh kembali

bermastautin di Malaysia;

- v. Pemohon-pemohon yang menetap di negara yang menggunakan sistem pemanduan sebelah kiri (*left-hand drive*) dibenarkan membeli dan membawa masuk kereta daripada negara ketiga (menggunakan pemanduan sebelah kanan); dan
- vi. Bagi pemohon yang tidak dapat membawa balik kereta import ke Malaysia atas apa-apa sebab, dibenarkan membeli kereta yang dipasang/di kilang di dalam negara dan layak mendapat pengecualian duti eksais dan cukai jualan. Bilangan kereta dihadkan kepada dua (2) buah sahaja termasuk kereta yang telah dibawa balik dari luar negara.

Tuan Yang Di Pertua,

Permohonan REP diproses secepat mungkin dalam tempoh 7 hingga 30 hari selepas permohonan bersama dokumen lengkap diterima. Proses untuk mendapatkan insentif daripada agensi berkaitan dalam tempoh yang munasabah juga sedang diteliti dan dibincangkan bersama agensi berkenaan.



Gardens Johor Bahru. Manakala perpindahan SJKC Bandar Bukit Sentosa, Bukit Beruntung, Selangor; SJKC Pay Fong 1, Crimson, Krubong, Melaka; dan SJKC Kiow Min, Taman Perkasa, Alor Gajah, Melaka telah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan berkaitan isu tanah. Manakala selebihnya pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) masih dalam proses membuat perolehan tanah, penyediaan pelan bangunan; atau mengemukakan permohonan kebenaran merancang untuk kelulusan oleh Pihak berkuasa tempatan.

NO.AUM : 47

NO.AUP :

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DATO' HENRY SUM AGONG [ LAWAS ]  
TARIKH 5 APRIL 2010  
RUJUKAN 2442

#### SOALAN:

Dato' Henry Sum Agong [ Lawas ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah pemohon yang mendapat status warganegara, jumlah yang ditolak/tidak di lulus dan yang masih dalam proses mengikut negeri masing-masing pada tahun lepas 2009.



(  
Tuan Yang Dipertua ,

JAWAPAN:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli yang Berhormat dari Lawas yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemohon yang mendapat status warganegara pada tahun 2009 adalah seramai 20,111 orang. Manakala jumlah pemohon yang ditolak bagi tahun yang sama adalah seramai 12,816 orang. Jumlah permohonan taraf kewarganegaraan yang masih dalam proses adalah sebanyak 29,667.

Walau bagaimanapun, Kementerian tidak menyimpan maklumat bagi pecahan permohonanan taraf kewarganegaraan mengikut negeri.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.  
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN                    LISAN  
DARIPADA :            TUAN JOHN A/L FERNANDEZ  
   [SEREMBAN]  
TARIKH                            5 APRIL 2010  
SOALAN

Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan seperti berikut:-

- (a) apakah insentif tambahan yang diperolehi oleh pakar-pakar perubatan rakyat negara ini yang bekerja di luar negara berbanding dengan insentif yang ditawarkan oleh pihak Kementerian di negara ini; dan
- (b) apakah perancangan Kementerian untuk menambah baik insentif yang ditawarkan bagi menarik balik semua pakar-pakar perubatan kita yang bekerja di luar negara

Tuan Yang Di-Pertua,

Insentif yang diperolehi oleh Pegawai Perubatan Pakar rakyat negara ini yang bekerja di luar negara adalah berbeza mengikut negara di mana pegawai tersebut bertugas. Sebagaimana umum maklum, faktor penarik utama untuk bekerja di luar negara adalah gaji atau pendapatan yang lebih lumayan. Oleh sebab itu, KKM tidak berhasrat untuk membuat perbandingan di antara insentif yang diterima oleh Pegawai Perubatan Pakar yang berkhidmat di luar negara dan dalam negara memandangkan ia dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Walau bagaimanapun, KKM sentiasa berusaha untuk menambahbaik insentif-insentif yang wajar diterima oleh Pegawai Perubatan Pakar yang berkhidmat di KKM.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif kepada warganegara Malaysia yang berada di luar negara yang pulang untuk berkhidmat dengan KKM.

Antaranya ialah Bayaran Insentif Pakar di antara RM1600 hingga RM3100 (mengikut gred) berkuatkuasa mulai 1 Januari 2009. Kadar tersebut telah

meningkat di antara 23% hingga 29% berbanding dengan keadaan sebelumnya. Pegawai Perubatan / Pegawai Perubatan Pakar ini juga layak dibayar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal sebanyak RM750 sebulan mulai 1 Januari 2008. Selain daripada itu, Pegawai Perubatan Pakar dan Pegawai Perubatan juga akan dibayar masing-masing sebanyak RM200 sejam dan RM80 sejam bagi melaksanakan Prosedur / Pembedahan Elektif pada hari Sabtu untuk membantu pesakit mendapatkan rawatan dengan segera. Di samping itu, mereka juga mendapat pengecualian daripada menjalani khidmat wajib sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Selain daripada insentif - insentif yang disediakan di peringkat KKM, Kementerian Sumber Manusia juga turut menawarkan pelbagai insentif di bawah Program Menggalakkan Warganegara yang Berkepakaran yang Bekerja di Luar Negara Pulang ke Malaysia. Melalui program tersebut, pemohon akan ditawarkan insentif-insentif seperti berikut:-

- (i) Pengecualian duti import, cukai eksais dan cukai jualan kenderaan persendirian daripada Kementerian Kewangan;
- (ii) Lesen Import untuk kenderaan persendirian yang dibawa masuk ke Malaysia daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
- (iii) Taraf Penduduk Tetap bagi pasangan/ anak-anak kepada pemohon bukan warganegara daripada Jabatan Imigresen Malaysia; dan
- (iv) Pengecualian cukai bagi barangan yang dibawa balik ke Malaysia daripada Kastam Diraja Malaysia.

Selain itu, KKM juga telah mengambil langkah menambah bilangan pemberian Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) kepada Pegawai Perubatan Pakar untuk mengikuti program sub-kepakaran dalam bidang kepakaran yang diperlukan. Sebanyak 90 tempat disediakan bagi tujuan tersebut. Langkah ini dijangka akan dapat menarik Pegawai Perubatan Pakar untuk terus berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Ini dapat memberi satu jaminan bekalan Pegawai Perubatan Pakar kepada Kementerian Kesihatan secara berterusan.

**Soalan No : 19**

### **PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARI PAD A**

**LISAN  
Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM  
(SERIAN)**

**TARIKH 05.04.2010**

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM [ SERIAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan rancangan Kementerian untuk mengatasi masalah-masalah kesesakan pelajar di SMK Serian dan SMK Tebakang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) prihatin dengan masalah kepadatan murid yang dihadapi di SMK Serian dan SMK Tebakang seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Justeru, bagi mengatasi tersebut, KPM akan memulakan pembinaan sebuah lagi sekolah baru iaitu SMK Serian II selewat-lewatnya pada penghujung tahun ini, sekiranya tiada halangan khususnya kemampuan kewangan semasa Kerajaan.

**SOALAN NO: 20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN**

WAN ABDULLAH [ KOTA BHARU ]

TARIKH 5 APRIL 2010 (ISNIN)

SOALAN:

Dato' Haji Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah [ Kota Bharu ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah punca yang menyebabkan kerosakan penghawa dingin pejabat pos Jalan Sultan Kota Bharu tidak dibaiki lebih dari dua tahun.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pos Malaysia Berhad sentiasa berusaha memperbaiki dan meningkatkan kualiti perkhidmatannya kepada pelanggan tanpa mengabaikan keselesaan pelanggan di semua rangkaian pejabat pos di seluruh negara.

Dalam melaksanakan amalan tersebut, keutamaan akan diberi kepada penambahbaikan dan pengubahsuaian kemudahan dan peraiatan yang lebih kritikal dalam usaha menjamin operasi harian tidak terjejas.

Bagi kerosakan pendingin hawa Pejabat Pos Jalan Sultan di Kota Bharu,

alat pendingin hawa yang rosak tersebut telah digantikan dengan kipas dalam tempoh berkenaan.

Namun demikian, tindakan serta-merta akan diambil bagi memperbaiki kerosakan alat pendingin hawa tersebut.

A

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN DING KUONG HUNG  
(SARIKEI)

TARIKH : 05.04.2010

SOALAN : 21

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan apakah perancangan RMK-10 untuk menyelesaikan masalah ketiadaan bekalan air dan api di kawasan pedalaman seluruh negeri Sarawak. Nyatakan juga status kejayaan program R.E.S yang

lalu dan rancangan program ini dalam RMK-10.  
Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan sasaran liputan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) sebanyak 99.9% dan Bekalan Air Luar Bandar (BALB) sebanyak 95.0% di negeri Sarawak pada akhir tahun 2015. Bagi mencapai sasaran tersebut, sejumlah 101,382 buah rumah perlu disambung dengan bekalan elektrik 24 jam dan 77,964 buah rumah pula akan disambung dengan bekalan air bersih. Selaras dengan hasrat tersebut, Kerajaan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi tempoh sehingga akhir 2012, mensasarkan liputan Bekalan Elektrik Luar Bandar sebanyak 95.0% dan Bekalan Air Luar Bandar sebanyak 90.0% untuk negeri Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh RMK-9, Kementerian telah menyiapkan 320 projek Bekalan Elektrik Luar Bandar di negeri Sarawak

## JAWAPAN

melibatkan 17,500 buah rumah. Dengan pelaksanaan projek tersebut, Kementerian telah meningkatkan liputan bekalan elektrik sehingga 66.5%. Bagi projek Bekalan Air Luar Bandar pula, Kementerian telah menyiapkan sebanyak 141 projek di negeri Sarawak yang memberi manfaat kepada 9,078 buah rumah.

Di bawah RMK-10, Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar supaya sasaran liputan sebanyak 99.9% akan tercapai pada akhir tahun 2015.

SJ.B/(136)

PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA TUAN MUHAMMAD BIN HUSSAIN  
(PASIR PUTEH)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 05.04.2010

50AUW K10: **21**

Tuan Muhammad bin Hussain (Pasir Puteh) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan mekanisme yang akan digunakan untuk mengagihkan wang ihsan di Negeri Kelantan dan apakah cadangan

penglibatan pihak Kerajaan Negeri dalam menguruskan perkara ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pengagihan Wang Ehsan Negeri Kelantan yang dipengerusikan oleh YB Senator Datuk Dr. Awang Adek Hussin, Timbalan Menteri Kewangan II dengan keahlian wakil-wakil daripada Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Unit Penyelarasan Pelaksanaan dan Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan. Wakil daripada Kerajaan Negeri Kelantan dan Kementerian atau Jabatan yang terlibat akan dijemput untuk turut sama meneliti cadangan program dan projek, memberikan pandangan dan cadangan ke arah penambahbaikan pelaksanaan program pembiayaan Wang Ehsan Negeri Kelantan.

2. Mesyuarat pertama Jawatankuasa ini telah pun diadakan pada 11 Mac 2010 di mana selain ahli, wakil Kerajaan Negeri Kelantan telah hadir Mesyuarat bersetuju supaya Wang Ehsan berjumlah RM25,592,321 digunakan untuk memberi bantuan kepada murid/pelajar dan membantu mereka yang menghadapi bencana. Mekanisme pengagihan sedang diteliti oleh Kementerian Kewangan dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan dan Kementerian Pelajaran.



3. Selain dari itu, Jawatankuasa Akaun Wang Ehsan Negeri Kelantan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan juga ditubuhkan bagi memastikan penggunaan Wang Ehsan tersebut dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan. Jawatankuasa ini juga telah mengadakan mesyuarat pertamanya pada 11 Mac 2010.

**Soalan No : 23**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN  
Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE  
(MAS GADING)**

**TARIKH 05.04.2010**

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE [ MAS GADING ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah kurikulum Bahasa Inggeris perlu ditukar hampir setiap kali kepimpinan Kementerian bertukar tangan. Adakah pihak Kerajaan betul-betul serius untuk meninggikan tahap kefahaman/penggunaan Bahasa Inggeris.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menggubal sesuatu dasar atau program pendidikan berdasarkan keperluan jangka pendek dan jangka panjang bertujuan untuk memantapkan sistem pendidikan negara agar seiring dengan keperluan semasa dan perkembangan pesat dunia. Proses dan mekanisme yang diamalkan oleh KPM dalam penggubalan sesuatu dasar turut melibatkan pelbagai pihak baik dalam kalangan agensi kerajaan, bukan kerajaan mahupun pihak berkepentingan (*stakeholders*). Dasar baru

yang digubal dilaksanakan secara rintis dengan melibatkan beberapa sekolah yang dikenal pasti sebelum pelaksanaannya diperluaskan ke semua sekolah. Seterusnya, KPM menjalankan kajian dan pemantauan berterusan bagi mengesan impak hasil daripada pelaksanaan sesuatu dasar dan program. Hasil kajian dan pemantauan berterusan ini membolehkan KPM mengadakan tindak susul yang sesuai bagi menambah baik sesuatu dasar dan program pendidikan yang dilaksanakan agar matlamat yang disasarkan melalui pelaksanaan sesuatu dasar dan program akan tercapai sepenuhnya.

Sehubungan itu, dakwaan mengatakan kurikulum Bahasa Inggeris ditukar hampir setiap kali kepimpinan Kementerian bertukar tangan adalah tidak benar. Perubahan yang dibuat seperti pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) kepada Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) bukan di sebabkan pertukaran kepimpinan dalam Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), sebaliknya berasaskan kepada kajian dan pemantauan ke atas pelaksanaan PPSMI semenjak dilaksanakan.

Berhubung dengan memperkukuh Bahasa Inggeris, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kurikulum Bahasa Inggeris perlu mengalami pengubahsuaian dan penambahbaikan mengikut peredaran masa supaya murid dapat memenuhi kehendak dan keperluan negara pada masa hadapan. Untuk tujuan itu, murid bukan sahaja perlu dilengkapi dengan kemantapan bahasa dan kebolehan berkomunikasi dengan lebih efektif di dalam dunia yang semakin mencabar, bahkan mereka juga perlu dilengkapi dengan kemahiran bahasa dan kemahiran berfikir yang sejajar dengan peredaran masa supaya mempunyai daya saing yang tinggi pada peringkat global.

Kurikulum Bahasa Inggeris yang terdapat sekarang telah mula diimplementasikan di sekolah semenjak tahun 2002. Oleh itu, mengikut kitaran kurikulum negara, sewajarnya sudah sampai masa untuk ianya digantikan dengan kurikulum baru yang telah ditambahbaik dan diubahsuai mengikut keperluan modal insan negara pada ketika ini.

Kurikulum baru Bahasa Inggeris ini mencerminkan kesungguhan pihak Kerajaan untuk bukan sahaja meningkatkan tahap kefahaman dan penggunaan bahasa Inggeris di negara ini, bahkan juga memberi ruang yang besar serta peluang yang luas untuk pembelajaran yang lebih bermakna dan kreatif dengan elemen keseronokan pembelajaran atau *fun learning* supaya kemahiran bahasa dan kemahiran berfikir dapat diterapkan dengan lebih berkesan dan berpanjangan.

NO. AUM : 20

NO. AUP :Xf

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
[ BATU KAWAN ]  
TARIKH 5 APRIL 2010  
RUJUKAN 2437

SOALAN:

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan yang akan diambil terhadap Dato' Nasir Safar, Pegawai Khas Perdana Menteri yang telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan berbau perkauman dalam satu seminar umum dan adakah individu ini akan ditahan di bawah Akta ISA di atas kesalahan ini.

**JAWAPAN**  
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Kawan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak polis telahpun selesai menjalankan siasatan ke atas kes ini dan kertas siasatan telahpun dikemukakan kepada Timbalan Pendakwaraya Melaka untuk tindakan selanjutnya.

SOALAN NO: 25

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

#### DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA DATO<sup>1</sup> SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED  
[SEPANG]

TARIKH 5 APRIL 2010 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [ Sepang ] minta MENTERI PENERANGAN,

KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan berapakah jumlah pelanggan ASTRO dari tahun 2000 hingga tahun 2009. Dengan jumlah pelanggan yang bertambah pesat, mengapakah caj bulanan ASTRO masih tidak turun.  
Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pelanggan ASTRO dari tahun 2000 hingga 2009 adalah seperti berikut:

Jumlah pelanggan ASTRO telah meningkat daripada 297,000 pada tahun 2000 kepada 2.6 juta pada tahun 2009 Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pakej asas perkhidmatan ASTRO telah diturunkan. Pada asalnya, pada tahun 2004, harga yang ditawarkan adalah RM49.95. Untuk memberi peluang kepada lebih ramai rakyat menikmati perkhidmatan ASTRO, harga pakej telah diturunkan kepada RM37.95 walaupun saluran-saluran di dalam pakej ini bertambah.

Untuk makluman juga, caj yang telah dikenakan oleh ASTRO adalah berdasarkan kepelbagaian pakej yang memberi peluang kepada pelanggan memilih menurut saluran yang diminati serta kemampuan masing-masing.

Caj untuk pakej ini masih rendah jika dibandingkan dengan caj-caj bulanan badan-badan penyiaran lain di rantau ini. Caj bulanan ASTRO adalah antara yang paling murah iaitu lebih kurang USD11 berbanding

JAWAPAN:

iCable (Hong Kong) USD32, Starhub (Singapore) USD17 dan IndoVision (Indonesia) USD16.

Berdasarkan jumlah pelanggan yang semakin ramai, pihak ASTRO telah memberi caj langganan yang lebih mampu dimiliki oleh semua golongan termasuk mereka yang berpendapatan rendah.

NO. AUM : 1 \$

NO. AUP : 2^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ Selayang ]

TARIKH 5 APRIL 2010

RUJUKAN 2560

SOALAN:

Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan bagi jumlah pihak-pihak yang berhijrah keluar dari Malaysia mengikut kaum bagi 5 tahun yang akhir, alasan mengapa mereka berhijrah dan apakah langkah yang diambil untuk memberhentikan 'brain drain'.





AWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Selayang yang mengemukakan pertanyaan.

Maksud 'hijrah' adalah meninggalkan negara dan menetap di negara lain bagi tujuan tertentu yang selalunya untuk tempoh masa yang lama. Sehubungan dengan ini, keberadaan atau tujuan rakyat Malaysia keluar negara bukanlah di bawah seliaan Kementerian Dalam Negeri.

Namun, pergerakan keluar rakyat Malaysia di pintu-pintu masuk negara sentiasa dipantau pada setiap masa. Berikut adalah statistik rakyat Malaysia keluar negara bagi setiap bulan sejak Mac 2008 hingga Ogos 2009 dan perbandingannya bagi tempoh yang sama tahun 2007.

| Bulan | 2007    | 2008      | 2009      |
|-------|---------|-----------|-----------|
| Mac   | 647,384 | 703,118   | 3,483,976 |
| April | 644,996 | 719,344   | 3,264,216 |
| Mei   | 677,193 | 1,046,090 | 3,282,769 |
| Jun   | 623,283 | 942,437   | 3,321,322 |
| Julai | 603,984 | 1,029,298 | 2,988,058 |
| Ogos  | 705,454 | 1,227,261 | 2,753,661 |

| Bulan     | 2007      | 2008       | 2009       |
|-----------|-----------|------------|------------|
| September | 650,152   | 1,008,417  |            |
| Oktober   | 707,396   | 1,098,920  |            |
| November  | 763,704   | 1,094,439  |            |
| Disember  | 887,362   | 2,191,335  |            |
| JUMLAH    | 8,147,878 | 12,378,047 | 25,172,788 |
|           |           | 37,550,835 |            |

Selain dari itu, Kementerian Dalam Negeri juga menerima permohonan penolakan warganegara Malaysia yang juga menunjukkan penghijrahan keluar warganegara Malaysia ke luar negara. Penolakan kewarganegaraan Malaysia oleh seseorang itu adalah disebabkan beliau telah atau akan menjadi warganegara lain. Jumlah permohonan penolakan kewarganegaraan yang diterima di Jabatan Pendaftaran Negara dari tahun 2006 hingga tahun 2009 ialah 13,933 dan mereka ini telah berpindah ke negara lain. Pecahannya mengikut tahun adalah seperti berikut:

- Tahun 2006 - 2,725 orang;
- Tahun 2007 - 4,565 orang;
- Tahun 2008 - 1,994 orang; dan
- Tahun 2009 - 4,649 orang.

Walaupun begitu, pergerakan keluar rakyat Malaysia dan penolakan warganegara Malaysia tidak menggambarkan secara tepat penghijrahan warga Malaysia ke luar negara.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : DATUKSERI SYED HAMID BIN SYED  
JAAFAR ALBAR [ KOTA TINGGI ]  
TARIKH : 5 APRIL 2010  
SOALAN :

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [ Kota Tinggi ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan Sama ada dalam pelaksanaan projek pembangunan untuk mengurangkan kesan banjir (Flood Mitigation) kajian alam sekitar telah dibuat dan diambil kira.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa mengambilkira impak pelaksanaan sesuatu projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) terhadap alam sekitar menerusi *Environmental Management Plan* (EMP) yang merupakan salah satu komponen kerja dalam projek pembangunan RTB.

Namun begitu, adalah amat sukar untuk menjamin pelaksanaan sesuatu projek RTB langsung tidak akan mengganggu alam sekitar terutama di kawasan yang sensitif seperti di kawasan tebing sungai.

Jika ada gangguan atau kerosakan kepada alam sekitar, pihak JPS akan menjalankan kerja-kerja memulihkan kawasan berkaitan seperti mana telah dilaksanakan di Sungai Sedili Kecil di Johor pada tahun 2008.

Sekian, terima kasih

PERTANYAAN LISAN

NO. AUM : 73

DARIPADA TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN NO. AUP : OJ  
BIN MD TAIB [ BALING ]

TARIKH

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
RUJUKAN DEWAN RAKYAT

5  
APRIL  
2010

SOALAN: 2444

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md Taib [ Baling ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan

(a) apakah Kerajaan sedar bahawa kes-kes ragut,  
pembuangan bayi semakin berleluasa di seluruh negara dan  
mendapati usaha pihak polis dalam menanganinya masih  
belum berkesan. Apakah masalahnya; dan

(b) berapakah jumlah kes-kes tersebut di seluruh  
negara dalam 2008-2009 dan nyatakan mengikut negeri.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Baling yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, usaha-usaha berterusan sedang dilakukan bagi mengatasi jenayah jalanan terutamanya ragut. Langkah-langkah seperti mempertingkatkan kehadiran pihak polis di kawasan-kawasan panas, membuka balai polis bergerak, menambahkan bilangan pondok dan balai polis di kawasan-kawasan yang dikenalpasti mempunyai bilangan kes yang tinggi sedang dilaksanakan secara berperingkat. Selain itu, penguatkuasaan undang-undang melalui penggunaan sistem kamera litar tertutup (CCTV) bagi membantu mengesan penjenayah telah pun dilaksanakan di kawasan-kawasan tertentu seperti Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Berhubung dengan masalah pembuangan bayi seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, ia merupakan masalah sosial yang sukar ditangani tanpa kerjasama daripada semua lapisan masyarakat. Faktor seperti pendidikan, kekuatan institusi keluarga dan tahap kesedaran di kalangan remaja dan masyarakat berhubung

masalah ini akan dapat mencegah kes-kes sedemikian dari terus berleluasa.

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kes ragut yang dilaporkan di seluruh Negara bagi tahun 2008 ialah sebanyak 8,206 kes diikuti 9,687 kes pada tahun 2009. Manakala jumlah kes pembuangan bayi yang dilaporkan di seluruh Negara bagi tahun 2008 ialah sebanyak 102 kes dan 79 kes dilaporkan pada tahun 2009.

Bagi negeri Perlis, jumlah kes ragut yang dilaporkan bagi tahun 2008 ialah sebanyak 17 kes dan diikuti 8 kes pada tahun 2009. Manakala bagi kes buang bayi, tiada kes dilaporkan bagi tahun 2008 dan hanya 1 kes dilaporkan pada tahun 2009.

Bagi negeri Kedah, jumlah kes ragut yang dilaporkan bagi tahun 2008 ialah sebanyak 589 kes dan diikuti 563 kes pada tahun 2009. Manakala bagi kes buang bayi, sebanyak 6 kes dilaporkan bagi tahun 2008 dan sebanyak 3 kes dilaporkan pada tahun 2009.

Bagi Pulau Pinang, jumlah kes ragut yang dilaporkan bagi tahun 2008 ialah sebanyak 1,103 kes dan diikuti 1,199 kes pada tahun 2009. Manakala bagi kes buang bayi, sebanyak 10 kes dilaporkan bagi tahun 2008 dan sebanyak 5 kes dilaporkan pada tahun 2009.

Perak, jumlah kes ragut yang dilaporkan bagi tahun 2008 ialah sebanyak 387 kes dan diikuti 482 kes pada tahun 2009. Manakala

bagi kes buang bayi, sebanyak 5 kes dilaporkan bagi tahun 2008 dan sebanyak 7 kes dilaporkan pada tahun 2009.

Selangor, jumlah kes ragut yang dilaporkan bagi tahun 2008 ialah sebanyak 1,840 kes dan diikuti 2,030 kes pada tahun 2009. Manakala bagi kes buang bayi, sebanyak 25 kes dilaporkan bagi tahun 2008 dan sebanyak 16 kes dilaporkan pada tahun 2009.

Kuala Lumpur, jumlah kes ragut yang dilaporkan bagi tahun 2008 ialah sebanyak 2,181 kes dan diikuti 3,312 kes pada tahun 2009. Manakala bagi kes buang bayi, tiada kes dilaporkan bagi tahun 2008 dan tahun 2009.

Negeri Sembilan, jumlah kes ragut yang dilaporkan bagi tahun 2008 ialah sebanyak 272 kes dan diikuti 268 kes pada tahun 2009. Manakala bagi kes buang bayi, sebanyak 5 kes dilaporkan bagi tahun 2008 dan sebanyak 8 kes dilaporkan pada tahun 2009.

Melaka, jumlah kes ragut yang dilaporkan bagi tahun 2008 ialah sebanyak 191 kes dan diikuti 228 kes pada tahun 2009. Manakala bagi kes buang bayi, tiada kes dilaporkan bagi tahun 2008 dan tahun 2009.

Johor, jumlah kes ragut yang dilaporkan bagi tahun 2008 ialah sebanyak 15 kes dan diikuti 82 kes pada tahun 2009. Manakala bagi kes buang bayi, sebanyak 13 kes dilaporkan bagi tahun 2008 dan sebanyak 11 kes dilaporkan pada tahun 2009.

Pahang, jumlah kes ragut yang dilaporkan bagi tahun 2008 ialah sebanyak 248 kes dan diikuti 172 kes pada tahun 2009. Manakala bagi kes buang bayi, sebanyak 4 kes dilaporkan bagi tahun 2008 dan sebanyak 6 kes dilaporkan pada tahun 2009.

Terengganu, jumlah kes ragut yang dilaporkan bagi tahun 2008 ialah sebanyak 230 kes dan diikuti 131 kes pada tahun 2009. Manakala bagi kes buang bayi, sebanyak 3 kes dilaporkan bagi tahun 2008 dan hanya 1 kes dilaporkan pada tahun 2009.

Kelantan, jumlah kes ragut yang dilaporkan bagi tahun 2008 ialah sebanyak 315 kes dan diikuti 391 kes pada tahun 2009. Manakala bagi kes buang bayi, sebanyak 4 kes dilaporkan bagi tahun 2008 dan tahun 2009.

Sabah, jumlah kes ragut yang dilaporkan bagi tahun 2008 ialah sebanyak 419 kes dan diikuti 336 kes pada tahun 2009. Manakala bagi kes buang bayi, sebanyak 20 kes dilaporkan bagi tahun 2008 dan sebanyak 12 kes dilaporkan pada tahun 2009.

Akhir sekali bagi negeri Sarawak, jumlah kes ragut yang dilaporkan bagi tahun 2008 ialah sebanyak 398 kes dan diikuti 485 kes pada tahun 2009. Manakala bagi kes buang bayi, sebanyak 7 kes dilaporkan bagi tahun 2008 dan sebanyak 5 kes dilaporkan pada tahun 2009.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN JAWAB LISAN

Pertanyaan

Daripada

Datuk Billy Abit Joo [ Hulu Rejang ]

Tarikh Menjawab

5 April 2010 (Isnin)

Soalan

[ No. 29 ]

Datuk Billy Abit Joo [ Hulu Rajang ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah tanaman-tanaman yang berpotensi ditanam di Hulu Rajang dan kawasan lembah Sungai Baleh. Apakah kelebihan tanaman-tanaman ini dan halangan untuk mengusahakan tanaman ini. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, secara amnya pelbagai tanaman boleh ditanam di kawasan Hulu Rajang dan lembah Sungai Baleh termasuklah kelapa sawit, getah, lada dan pelbagai spesis lain. Pada masa ini tanaman yang diusahakan secara komersil di kawasan Hulu Rajang dan lembah Sungai Baleh termasuklah kelapa sawit, getah, lada dan spesis ladang hutan seperti acacia sp.

Kerajaan berpandangan bahawa tanaman-tanaman yang berpotensi dan sesuai ditanam dari segi topografi dan *agroclimatic* di kawasan Hulu Rajang dan lembah Sungai Baleh ialah tanaman kelapa sawit, getah dan lada hitam. Secara umumnya, tanaman getah adalah sesuai ditanam di kawasan yang berbukit bukau dengan kecerunan melebihi 25 darjah. Tanaman sawit pula sesuai ditanam di kawasan berkecerunan kurang daripada 25 darjah dan di kawasan tanah tanpa batu di lapisan atas seperti di kawasan Ulu Rejang, Lembah Sungai Baleh dan Sungai Asap. Manakala tanaman lada pula merupakan tanaman tradisi yang diusahakan secara kecil-kecilan oleh pekebun kecil di Hulu Rajang dan kawasan Sungai Baleh.

Walau bagaimanapun dari segi jenis tanaman, getah dan lada mempunyai kelebihan untuk diusahakan secara komersil di kawasan ini. Kedudukannya yang terpencil dan jauh di pedalaman meningkatkan kos pengangkutan. Oleh itu, bagi mengelakkan pengusaha menanggung kos pengangkutan yang banyak maka pengusaha hanya perlu menghantar hasil mereka ke bandar berdekatan pada masa-masa tertentu sahaja. Hasil kedua-dua komoditi tersebut yang boleh disimpan agak lama menjadi kelebihan utama getah dan lada diusahakan di kawasan Hulu Rajang dan lembah Sungai Baleh.

Tuan Yang Di-Pertua,

Selain tanaman getah dan lada, pengusaha-pengusaha di kawasan ini juga digalakkan mengamalkan sistem pertanian dan pengeluaran secara integrasi. Integrasi getah dengan tanaman seperti pisang, ubi kayu dan tanaman yang sesuai dan integrasi dengan ternakan seperti kambing

akan menambahkan lagi pendapatan pengusaha.

JAWAPAN

NO. AUM : 76

NO. AUP : **30**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN            LISAN

DARIPADA    TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [ SHAH ALAM ]

TARIKH            5 APRIL 2010

RUJUKAN            2445

SOALAN:

Tuan Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa peratus  
dari anggota polis digunakan untuk menangani masalah jenayah  
melalui pendekatan 'hands-on' iaitu dengan turun ke padang  
melakukan rondaan di kawasan bandar, kampung dan perumahan.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Shah Alam yang mengemukakan pertanyaan.

Polis Diraja Malaysia sentiasa memastikan petugasan anggotanya di lapangan dalam usaha menangani jenayah, terutamanya sejak Kerajaan melaksanakan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) - Mengurangkan Jenayah, yang menumpukan kepada jenayah jalanan. Selain anggota biasa, rondaan *omnipresence* diperhebatkan dengan penglibatan Polis Gerakan Am (PGA) serta sukarelawan RELA dan JPAM. Tumpuan dibuat di 50 kawasan panas atau *hotspots* di negeri-negeri yang dikenal pasti mencatat kadar jenayah tertinggi, iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang.

Antara inisiatif lain termasuklah *High Profile Policing* dan *Stop and Talk*, yang melibatkan Pegawai Kanan Polis turun ke padang bertemu masyarakat setempat. Sementara itu, anggota polis yang membuat rondaan pula akan bertemu dengan pelbagai lapisan masyarakat dan mengedarkan risalah-risalah keselamatan untuk meningkatkan kesedaran bagi memerangi jenayah.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Menjelang bulan Jun 2010, seramai 6,000 anggota polis sedia ada yang sebelum ini melaksanakan pelbagai tugas dalam pejabat akan melakukan tugas-tugas rondaan untuk memantapkan lagi usaha memelihara keselamatan.

Selain daripada menggunakan tenaga kerja, Kerajaan juga mengambil tindakan mempertingkatkan kemudahan untuk memerangi jenayah. Antaranya, perolehan dan penambahan Balai Polis Bergerak dan perolehan motosikal bersaiz kecil yang baru untuk menjalankan tugas-tugas rondaan serta juga menambah bilangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) daripada jumlah sedia ada.

Kesemua usaha di atas adalah sejajar dengan *National Key Performance Indicators* (NKPI's) di bawah NKRA - Mengurangkan Jenayah, iaitu untuk mengurangkan Jenayah Indeks yang dilaporkan sebanyak 5% dan Jenayah Jalanan sebanyak 20% menjelang Disember 2010.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**YB DATUK JUSLIE  
BIN AJIROL  
(LIBARAN)**

**TARIKH**

**5 APRIL 2010**

**SOALAN**

**53**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan apakah projek pembangunan yang telah dilaksanakan mengikut Bajet 2010 setakat di kawasan luar bandar terutama di negeri Sabah.





## Tuan Yang Dipertua,

a) Untuk tempoh tahun 2010 iaitu sehingga 19  
JAWAPAN  
Mac 2010 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan  
Wilayah telah mengeluarkan waran sebanyak RM  
90.753 juta untuk  
pelaksanaan projek/program pembangunan luar  
bandar di Negeri Sabah.

b) Maklumat agihan peruntukan waran bagi  
Negeri Sabah sehingga 19 Mac 2010 adalah  
seperti berikut:

(i) Sebanyak RM 80 juta telah disalurkan bagi  
pelaksanaan 14 projek Jalan Luar Bandar  
(JALB). Senarai dan bilangan projek yang  
dilaksana mengikut Daerah adalah seperti  
berikut:

|                  |          |
|------------------|----------|
| 1. Beaufort      | 3 projek |
| 2. Kota Belud    | 1 projek |
| 3. Kinabatangan  | 1 projek |
| 4. Kota Kinabalu | 1 projek |
| 5. Kuala Penyu   | 1 projek |

|             |          |
|-------------|----------|
| 6. Kudat    | 2 projek |
| 7. Semporna | 1 projek |
| 8. Tawau    | 2 projek |
| 9. Tuaran   | 2 projek |

Sebanyak RM 8.005 juta disalurkan bagi pelaksanaan 41 projek Jalan Kampung dan Penyelenggaraan. Senarai dan bilangan projek yang sedang dilaksanakan mengikut Parlimen adalah seperti berikut:

|                        |          |
|------------------------|----------|
| 1. Libaran             | 1 projek |
| 2. Sandakan            | 3 projek |
| 3. Pa par              | 2 projek |
| 4. Semporna            | 8 projek |
| 5. Beaufort            | 6 projek |
| 6. Kota Marudu         | 4 projek |
| 7. Kudat               | 6 projek |
| 8. Sipitang / Sindumin | 4 projek |
| 9. Kota Belud          | 1 projek |
| 10. Sepanggar          | 1 projek |
| 11. Silam              | 1 projek |
| 12. Bel u ran          | 1 projek |



|               |          |
|---------------|----------|
| 13. Batu Sapi | 1 projek |
| 14. Tawau     | 2 projek |

Bagi pelaksanaan Program Ameniti Sosial seperti balai raya, padang permainan, jeti, longkang dan sebagainya, Kementerian telah menyalurkan sebanyak RM 1.75 juta bagi 37 buah projek di Sabah. Senarai projek dan bilangan projek yang sedang dilaksanakan mengikut Daerah adalah seperti berikut:

|               |           |
|---------------|-----------|
| 1. Penampang  | 3 projek  |
| 2. Putatan    | 1 projek  |
| 3. Keningau   | 3 projek  |
| 4. Nabawan    | 10 projek |
| 5. Sipitang   | 3 projek  |
| 6. Tawau      | 3 projek  |
| 7. Sook       | 13 projek |
| 8. Lahad Datu | 1 projek  |

- (iv) Bagi Industri Luar Bandar pula, Kementerian telah menyalurkan sebanyak RM 998,000 bagi:
- i. Membina 10 unit gerai perniagaan di Pekan Baru Pitas, Sabah; dan
  - ii. Membina 6 unit gerai perniagaan di Kampung Dengan Tungku, Lahad Datu, Sabah.
  - iii. Membina gerai perniagaan di Pekan Baru Pitas (Fasa II), Pitas, Sabah

c) Di samping itu, terdapat juga beberapa projek-projek lain yang merupakan projek sambungan dan baru yang sedang dilaksanakan pada tahun 2010 di Negeri Sabah adalah seperti berikut:

(i) Pembinaan 9 buah Taman Bimbingan Kanak-kanak (TADIKA) di:

1. Kampung Pantai Sipitang;
2. Kampung Selagon Beaufort;
3. Kampung Talatang Kota Marudu;
4. Pusat Kegiatan Masyarakat Beaufort;
5. Kampung Tuan Tenom;

6. Kampung Imbak  
Kinabatangan;
7. Kampung Bunut Tenom;
8. Kampung Balung Cocos  
Tawau; dan
9. Kampung Toboh Tambunan.

- (ii) Pembinaan Kompleks Tadika (KOMTA) di  
Kampung Kayul Beaufort;
- (iii) Pembinaan Pusat Kegiatan Masyarakat di  
Pekan Muhibbah, Sandakan;
- (iv) Pembinaan sebuah Medan InfoDesa (MID) di  
Kampung Bubul Lama, Semporna;
- (v) Penyusunan Semula Kampung Daerah  
Kinabatangan - Kg. Litang dan Kg. Balat Daerah  
Kinabatangan;
- (vi) Projek Agropolitan Pulau Banggi, Kudat;
- (vii) Projek Agropolitan Kg. Gana, Kota Marudu;

- (viii) Pelaksanaan 1,673 unit rumah di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) yang melibatkan 36 daerah di Sabah;
- (ix) Pelaksanaan Program Pemulihan dan Penyatuan Tanah dikendalikan oleh FELCRA Berhad bagi 11 tempat iaitu di :
- i. Lambidan II;
  - ii. Koperasi Giram Kokos II; iii. Pemuntarian II;
  - iv. Pemuntarian III;
  - v. Gantua;
  - vi. Kampung Sapok;
  - vii. Sinapokan Tambahan;
  - viii. Kampung Bambang;
  - ix. Kampung Tohan Baru;
  - x. Kampung Siaban; dan
  - xi. Kampung Rasak.
- (x) Bagi penanaman semula getah berkelompok, Lembaga Industri Getah Sabah telah menyasarkan seluas 1,000 hektar akan dilaksanakan. Sebanyak 8 daerah akan terlibat dan keluasan bagi penanaman

semula getah ini:

|                |               |
|----------------|---------------|
| 1. Beaufort    | 37.55 hektar  |
| 2. Kota Marudu | 153.87 hektar |
| 3. Kota Belud  | 139.98 hektar |
| 4. Membakut    | 48.72 hektar  |
| 5. Penampang   | 176.74 hektar |
| 6. Tenom       | 71.62 hektar  |
| 7. Tuaran      | 265.03 hektar |
| 8. Kuala Penyu | 105.21 hektar |

SOALAN NO. 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :JAWAB

LISAN

DARIPADA : YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN  
(PKR) (AMPANG)

TARIKH : 5 APRIL 2010 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin (PKR) (Ampang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam meningkatkan Kadar Guna Tenaga bagi wanita secara optimum pada masa kini memandangkan wanita turut memainkan peranan penting dalam pembangunan negara.

JAWAPAN :



Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sememangnya sedar bahawa wanita, yang membentuk setengah daripada jumlah 28.3 juta orang penduduk negara ini merupakan simpanan tenaga produktiviti yang besar dan mampu memberi manfaat kepada pertumbuhan ekonomi negara. Justeru, pihak Kerajaan berusaha menyediakan persekitaran yang kondusif bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam guna tenaga negara. Kuasa produktif wanita yang digunakan secara optimum bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada wanita, malahan kepada keluarga, golongan lelaki dan masyarakat secara umum.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada statistik Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar penyertaan guna tenaga wanita pada tahun 2009 adalah 46.4 peratus atau 3.94 juta orang, manakala jumlah wanita di luar tenaga buruh (yang dianggap sebagai *latent workforce*) adalah 4.74 juta orang atau 71.1 peratus. Kumpulan ini berpotensi untuk digalakkan menyertai pasaran pekerjaan. Bagi tujuan tersebut, antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan, terutamanya melalui Kementerian Sumber Manusia adalah:

- (i) menggubal Peraturan Kerja Separa Masa (*Part Time Regulation*) sebagai pindaan kepada Akta Kerja 1955. Langkah ini bertujuan untuk menarik lebih ramai golongan, dengan izin, '*latent workforce*' seperti ibu tunggal, suri rumah dan lain- lain untuk menceburi pasaran pekerjaan. Peraturan ini kelak akan menjadi kerangka yang menjamin hak-hak pekerja yang bekerja separa masa di samping memberi perlindungan-perindungan tertentu;

- (ii) memudahkan proses pencarian peluang pekerjaan dan permohonan pekerjaan yang bersesuaian melalui portal JobsMalaysia. Golongan wanita yang tidak bekerja dan berminat untuk mencari pekerjaan boleh mendaftar secara, dengan izin, '*online*' dalam portal berkenaan dan mereka akan dipadankan dengan pekerjaan-pekerjaan yang sesuai;
- (iii) meneruskan program bekerja dari rumah atau kawasan rumah seperti, dengan izin, *homeworking* dan *teleworking* bagi membantu golongan wanita mendapatkan pekerjaan. Sehingga Mac 2010, seramai 2,458 orang wanita telah mendapat pekerjaan melalui 139 syarikat yang telah terlibat dalam program ini; dan
- (iv) menggalakkan pewujudan pusat penjagaan anak di tempat kerja. Penubuhan pusat penjagaan ini dapat membantu wanita yang bekerja mengatasi masalah penjagaan anak dan dapat mengelakkan wanita daripada berhenti kerja untuk menumpukan perhatian kepada keluarga. Kerajaan juga memberikan geran pelancaran kepada majikan sektor awam untuk menubuhkan taman asuhan kanak-kanak (TASKA) di tempat kerja dan subsidi yuran pengasuhan TASKA kepada penjawat awam yang layak. Geran pelancaran untuk menggalakkan penubuhan TASKA komuniti juga disediakan oleh Kerajaan di samping pemberian subsidi yuran pengasuhan TASKA kepada keluarga yang layak. Selain itu, sebagai insentif kepada majikan di sektor swasta untuk menubuhkan TASKA, pengecualian cukai 10 peratus diberikan ke atas kos keseluruhan pembinaan bangunan taska bagi tempoh 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain usaha menggalakkan wanita menyertai pasaran pekerjaan, usaha juga dibuat untuk menggalakkan wanita menceburi aktiviti ekonomi. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita melaksanakan program pembangunan kapasiti dalam bidang keusahawanan dengan kerjasama beberapa agensi Kerajaan. Antara latihan kemahiran yang dijalankan ialah program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) yang bertujuan melatih dan membimbing ibu tunggal dalam bidang jahitan, kecantikan, kraf tangan, asuhan kanak-kanak, pelancongan dan pemprosesan makanan.

Program Jejari Bestari yang berbentuk, dengan izin, '*outreach*' melatih wanita di peringkat akar umbi dalam bidang jahitan (pakaian, langsir dan kusyen), pembuatan aksesori wanita (kristal dan kerongsang) serta sulaman dan jahitan manik. Selain itu, kursus latihan pengurusan rumah tangga dan pengendalian TASKA juga dijalankan bagi membolehkan wanita terutama ibu tunggal menjana pendapatan daripada perkhidmatan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran golongan wanita, aspek kemahiran, dengan izin, '*softskills*' juga tidak diabaikan. Justeru, peserta latihan diberikan pendedahan kepada kemahiran berkomunikasi, keterampilan dan, dengan izin, '*interpersonal skills*' yang lain sebagai persediaan untuk mereka menceburi bidang pekerjaan atau memulakan

perniagaan. Kementerian yakin inisiatif yang dilaksanakan ini mampu meningkatkan penyertaan wanita dalam guna tenaga negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN SOALAN NO: 13

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATUK HAJI BAHARUM BIN

MOHAMED [ SEKIJANG ]

TARIKH

5 APRIL 2010 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [ Sekijang ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan selain dari Astro, adakah Kementerian bercadang untuk mengeluarkan lesen baru kepada mereka yang berminat mengendalikan perkhidmatan tersebut terutamanya secara percuma (tidak membayar) kepada rakyat di dalam negara ini.



Tuan Yang di-Pertua,  
JAWAPAN:

Sekiranya ada syarikat yang berminat untuk memberikan perkhidmatan seperti ASTRO secara percuma Kerajaan akan mempertimbangkan permohonannya termasuk pelan perniagaan lengkap.

Mana-mana pihak yang berminat boleh memohon untuk menyediakan perkhidmatan televisyen percuma dengan menggunakan teknologi- teknologi lain seperti *Internet Protocol (IPTV)*, kabel dan sebagainya.

Apabila dasar berkenaan penyiaran digital ditetapkan, pihak Kerajaan menjangka bahawa lebih banyak pihak akan memohon lesen untuk menyediakan perkhidmatan televisyen secara berbayar dan percuma.

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ]

TARIKH 5 APRIL 2010

RUJUKAN 2443

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

NO. AUM : 52

(a) parlimen dimaklumkan pada Oktober 2009 yang lalu, 7 perkara dalam Laporan Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan usan Polis DiRaja Malaysia yang tidak dilaksanakan oleh PDRM seperti dimaklumkan pada Oktober, 2009 yang lalu; dan

(b) apakah sebab utama perkara-perkara tersebut tidak dilaksanakan.

Jawapan

Tuan Yang Dipertua

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Y.B Dato' Johari yang mengemukakan pertanyaan.

Sebenarnya Kerajaan mempunyai alasan dan sebab-sebab tertentu mengapa tujuh (7) cadangan Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM tidak dapat dilaksanakan seperti mana berikut.

Pertama, cadangan pewujudan dan pelaksanaan Kod Etika yang



sesuai. Kod Etika sedia ada dikekalkan kerana ia merangkumi aspek nilai murni sejagat, moral, dan prinsip profesional PDRM.

Kedua, cadangan peralihan daripada paradigma "Pasukan" kepada paradigma "Perkhidmatan". Perkataan pasukan perlu dikekalkan kerana ia menggambarkan PDRM sebagai satu agensi

penguatkuasa yang mempunyai pelbagai peranan yang mana prinsip dan autoriti adalah *'inherent'*.

Tuan Yang Dipertua,

Cadangan ketiga yang tidak dapat dilaksanakan ialah pembentukan satu mekanisme penyemakan yang bebas. Mekanisme tersebut telah diperjelaskan di dalam Rang Undang-Undang (RUU) Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP). RUU SIAP telah diluluskan semasa persidangan Dewan Negara yang berlangsung dari 6 hingga 14 Julai 2009 yang lalu.

Keempat, cadangan menjadikan Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) sebagai perundangan subsidiari di bawah Akta Polis 1997. PTKPN tidak boleh dijadikan perundangan subsidiari kerana PTKPN adalah prosedur tatacara dan *'tradecraft'* pelaksanaan tugas rahsia PDRM.

Seterusnya yang kelima, pindaan terhadap undang-undang,

NO. AUM: 52

peraturan dan prosedur kerja. Cadangan ini tidak dapat dilaksanakan

kerana pindaan Akta Pencegahan Rasuah 1997 bukanlah di bawah bidang kuasa PDRM.

Tuan Yang Dipertua

Selain itu terdapat cadangan Suruhanjaya bagi meningkatkan akauntabiliti cawangan khas. Cadangan ini juga tidak dapat dilaksanakan memandangkan tahap akauntabiliti cawangan khas negara ini adalah selaras dengan negara lain.

Cadangan ketujuh dan terakhir ialah mengadakan dua jawatan Timbalan Ketua Polis Negara (TKPN). Cadangan ini telah diganti dengan cadangan mewujudkan tiga jawatan Penolong Timbalan Ketua Polis Negara yang kini di dalam peringkat pelaksanaan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN**

**Y.B. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI  
SALLEH  
(KALABAKAN)**

**TARIKH**

**05.04.2010**

**SOALAN:**

SOALAN NO:

**Y.B. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH [ KALABAKAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menghapuskan yuran peperiksaan dan pembayaran-pembayaran lain yang didapati membebankan ibu bapa khususnya oleh mereka yang berpendapatan rendah dan mempunyai ramai anak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menghapuskan bayaran yuran sekolah dan yuran peperiksaan. Walau bagaimanapun, bagi tujuan membantu pihak sekolah menyediakan kemudahan dan pendidikan berkualiti kepada murid, pihak PIBG berperanan untuk mencari jalan bagi membantu pihak sekolah, termasuklah mendapat kata sepakat menentukan kadar sumbangan yang mampu dikutip daripada ibu bapa, berdasarkan keputusan bersama yang dicapai melalui Mesyuarat Agong PIBG.

SOALAN NO:

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

LISAN

PERTANYAAN DARIPADA

TUAN GOBIND SINGH DEO

[PUCHONG]

TARIKH SOALAN

5 April 2010

TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa masalah kesesakan trafik di Lebuhraya Damansara Puchong khususnya di kawasan tol Sunway Puchong, sangat serius dan ini tidak berpadanan dengan membayar tol RM1.60 untuk penggunaan satu Lebuhraya yang sangat sesak dan sama ada Kerajaan akan mengambil sebarang langkah untuk mengatasinya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Kerja Raya sedia maklum akan masalah kesesakan yang dihadapi oleh pengguna terutamanya di kawasan antara Bandar Sunway ke Puchong. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pembangunan pesat di sekitar koridor lebuh raya ini telah menyaksikan peningkatan trafik yang tinggi sekali gus menjejaskan kelancaran aliran trafik khususnya pada waktu puncak.

Sebagai langkah penyelesaian sementara, satu sistem laluan kontra telah mula dilaksanakan di Plaza Tol Petaling Jaya Selatan bagi laluan kenderaan menghala ke arah Puchong. Pelaksanaan sistem ini yang dilaksanakan dengan bantuan serta kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) diadakan setiap hari Isnin hingga Jumaat antara jam 4.30 petang hingga 8.30 malam bagi membantu mengurangkan kesesakan trafik di kawasan tersebut. Ia

## SOALAN (37)

telah dimulakan semenjak 8 Mac 2010. Keberkesanan pelaksanaan sistem laluan kontra ini masih dalam peringkat pemantauan pihak Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM) serta syarikat konsesi sebelum diperluaskan ke bahagian atau seksyen lain lebuh raya tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat konsesi LITRAK Sdn. Bhd. akan membelanjakan sebanyak RM300 juta dalam tempoh tiga (3) tahun bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan Lebuh Raya Damansara Puchong ini. Kementerian ini juga telah meminta supaya LLM membuat satu kajian bagi mencari jalan alternatif untuk memperbaiki kemudahan perkhidmatan lebuh raya di kawasan Puchong.

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 5 APRIL 2010 (ISNIN)  
DARIPADA : Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN  
MOHAMAD (PULAI)

#### SOALAN

Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMAD (PULAI) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah dana yang telah dipemntukkan oleh Kerajaan untuk pembinaan Perumahan Rakyat sama ada untuk disewa atau dijual. Sila jelaskan jumlah kos penyelenggaraan tahunan yang bakal ditanggung oleh Kerajaan setelah semua projek perumahan yang telah dirancang setakat ini siap dibina.



## JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dibawah RMK-9, Kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM300 juta untuk Program Perumahan Rakyat (PPR) Dimiliki dan RM1.82 bilion untuk PPR Disewa. Kos penyenggaraan dan pengurusan PPR adalah ditampung daripada hasil kutipan sewa sebanyak RM124 unit/bulan. Oleh yang demikian, tiada kos penyenggaraan yang akan ditanggung oleh Kerajaan bagi projek-projek yang akan disiapkan pada masa akan datang memandangkan kos tersebut menggunakan kutipan sewaan.

Kementerian Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

April 2010

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

|            |   |
|------------|---|
| PERTANYAAN | LISAN   |
| DARIPADA   | Y.B. DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN<br>(PENDANG) |
| TARIKH     | <b>05.04.2010 (ISNIN)</b>                         |
| NO. SOALAN | 38  |

DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN ( PENDANG ) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah tindakan Kementerian di atas wujudnya perlambakan berbagai jenis penapis air sekarang ini dengan berbagai dakwaan yang kadangkala tidak munasabah dan mahal harganya dan apakah kerjasama dengan Kementerian Kesihatan dan mengawal permasalahan ini.

JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Kepelbagaian jenama penapis air dipasaran memberi peluang kepada pengguna untuk mereka membuat pilihan berdasarkan keperluan dan kemampuan mereka. Dakwaan-dakwaan yang tidak munasabah mengenai air yang ditapis ini akan disiasat oleh Kementerian. Tindakan yang diambil samaada menasihati syarikat terbabit supaya tidak membuat iklan yang mengelirukan pengguna atau

mengambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang yang ada jika kesalahan tersebut adalah jelas. Dari segi harga produk berkenaan, ianya ditetapkan oleh peniaga dan pengguna perlu bijak memilih berdasarkan keperluan dan kemampuan mereka. Kementerian tidak mengawal penetapan harga penapis air ini.

Dalam menangani isu ini, kerjasama dengan Kementerian Kesihatan dan pelbagai agensi lain dibuat dari masa kesemasa seperti menghantar sampel air untuk diuji kebenarannya sepertimana dakwaan yang dibuat. Jika didapati hasil ujian tidak meyerupai apa yang didakwa maka tindakan mengikut undang-undang akan diambil.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Y.B TUAN MOHD NIZAR BIN  
ZAKARIA  
(PARIT)

DARIPADA 05.04.2010  
(ISNIN)

TARIKH  
LISAN

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan bilakah pihak Kementerian dapat membina Kem Wataniah dalam Parlimen Parit.

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini Kementerian belum bercadang untuk membina kem Askar Wataniah (AW) di kawasan Parlimen Parit. Jumlah lapan (8) buah kem yang sedia ada di negeri Perak sudah mencukupi untuk menampung keperluan semasa. Kem Sitiawan yang berhampiran boleh terus digunakan oleh anggota Askar Wataniah dari kawasan Parit untuk menjalani latihan pada setiap hujung minggu dan mereka layak untuk membuat tuntutan elaun pengangkutan.

Namun demikian, cadangan dari Yang Berhormat Parit akan dipertimbangkan oleh Kementerian ini di dalam perancangan pembangunan AW.

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2010 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN HAJAH FAUZIAH BINTISALLEH  
(KUANTAN)

TARIKH : 5 APRIL 2010

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam membasmi kemiskinan di kalangan penduduk Orang Asli yang kini mencapai 77 peratus dalam kategori miskin dan 35 peratus dalam kategori miskin tegar. JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada maklumat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, menyatakan bahawa sebanyak 77 peratus daripada penduduk Orang Asli di Negara ini berada di tahap kemiskinan dan 35 peratus daripada itu di tahap miskin tegar adalah tidak benar dan mengelirukan.

Mengikut rekod Jabatan sehingga 31 Disember 2009, Kemiskinan Orang Asli berada pada tahap 48.9 peratus dan miskin tegar Orang Asli terkini adalah 15.47 peratus atau seramai 4,307 keluarga sahaja.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan sememangnya memandang serius dan prihatin mengenai masyarakat Orang Asli. Pelbagai program pembangunan ekonomi seperti Program Pembangunan Ladang Komersial dengan tanaman getah dan kelapa sawit, Program Pembangunan Ruang Niaga dan Program Peningkatan Pendapatan telah dan akan terus dilaksanakan.

Mulai tahun 2010, Kementerian telah mewujudkan Bidang Keberhasilan Utama' atau KRA bagi membangunkan sumber-sumber ekonomi Orang Asli. Tumpuan KRA adalah di kawasan penempatan Orang Asli yang mempunyai kepadatan miskin tegar yang tinggi iaitu di negeri Pahang, Perak dan Kelantan dengan projek tanaman kontan seperti jagung, keledek, pisang nenas dan serai. Pelaksanaan projek ini melibatkan peserta seramai 1,200 KIR dengan anggaran kos sebanyak RM2.11 juta, dilaksanakan mulai 2010 hingga tahun **2012**.

Di samping itu juga, seramai 2,067 KIR Orang Asli akan diberi bantuan Input Pertanian dengan peruntukan sebanyak RM6.2 juta dalam usaha Kerajaan membantu masyarakat Orang Asli meringankan beban kehidupan mereka dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan pendapatan golongan ini. Skop bantuan yang disalurkan ini adalah berupa baja, anak benih, racun dan peralatan pertanian yang mana kadarnya terhad kepada RM3,000 setiap KIR.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menerusi JHEOA turut melaksanakan projek-projek bagi prasarana bagi peningkatan kualiti hidup masyarakat Orang Asli terutama Program Bantuan Rumah dan Bekalan Air Bersih.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2009 sahaja, JHEOA telah berjaya membina sebanyak 2,248 buah rumah melibat kos RM66.5 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi dan sebanyak 209 buah kampung turut dilibatkan dalam projek bekalan air bersih di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi dengan peruntukan RM200 juta dan projek ini masih terus dilaksanakan pada tahun ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Program Bantuan rumah kepada masyarakat Orang Asli ini juga akan diteruskan lagi pada tahun ini dengan sasaran sebanyak 1,900 buah rumah akan dibina/ di baik pulih.

**Soalan No : 41**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

|                                |   |
|--------------------------------|---|
| <b>PERTANYAAN<br/>DARIPADA</b> | <b>LISAN<br/>Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI<br/>(TENOM)</b> |
| <b>TARIKH</b>                  | <b>05.4.2010</b>  |
| <b>SOALAN:</b>                 |   |

**Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan pihak Kerajaan dalam menangani masalah sekolah-sekolah yang sering diancam oleh bencana alam seperti tanah runtuh dan banjir khususnya di Daerah Tenom.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) prihatin dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah terutamanya apabila ia berkaitan dengan bencana alam termasuklah sekolah-sekolah di kawasan Tenom. Justeru, KPM akan mengambil tindakan dengan kadar segera sebaik sahaja menerima laporan mengenai sekolah- sekolah yang ditimpa bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh. Tindakan yang diambil adalah melalui usaha-usaha seperti berikut:

- i. Menyalurkan peruntukan kepada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) bagi pembaikan kecil dan perolehan penggantian aset khususnya kerusi dan meja murid apabila sekolah mengalami banjir dan lain-lain bencana alam;
- ii. Melaksanakan kaedah secara perolehan darurat supaya urusan pembaikan dan perolehan penggantian aset dapat diuruskan dengan segera. Ini memastikan



supaya pembelajaran dan pengajaran (p&p) di sekolah-sekolah terlibat tidak terjejas; dan

- iii. Bagi kes cerun runtuh yang boleh membahayakan keselamatan nyawa dan harta benda, KPM akan mengambil tindakan-tindakan awai dengan melantik perunding untuk membuat kajian dan siasatan tanah. Pihak perunding akan mencadangkan tindakan yang perlu diambil bagi menstabilkan keadaan cerun tersebut.

Manakala bagi tindakan jangka panjang, KPM akan memastikan supaya tapak-tapak sekolah baru tidak dibina di kawasan rendah dan lereng-lereng bukit yang berisiko tinggi.

PARLIMEN MALAYSIA  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH  
SOALAN

JAWAB LISAN  
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]  
5 April 2010 (ISNIN)  
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan usaha-usaha Kementerian untuk  
memperkasakan prestasi pengeluar sayur-  
sayuran kecil di Malaysia. Adakah Kerajaan  
bercadang meluluskan geran untuk pekebun-  
pekebun kecil yang telah mengusahakan  
tanah lebih daripada 10 tahun.

JAWAPAN  
Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan  
Pertanian sentiasa berusaha untuk memperkasakan prestasi  
pengusaha kecil sayur-sayuran di Malaysia. Program-program yang  
dijalankan adalah:

- a. Mewujudkan pengurusan projek secara berpusat di mana petani-petani kecil diuruskan secara berkelompok. Pada tahun 2009, bilangan projek kelompok ialah 4,081 melibatkan 82,774 peserta dengan keluasan bertanam sebanyak 76,534 ha. (*Crop Hectarage Equivalent*). Daripada jumlah tersebut bilangan projek kelompok untuk sayur-sayuran dan tanaman kontan ialah 771 projek melibatkan 2,993 peserta dengan keluasan bertanam sebanyak 3,960 ha. (CHE).
- b. Menyediakan bantuan pembiayaan bagi projek tanaman sayur pada kadar maksimum RM 6,000/ha meliputi kos pembersihan kawasan, pembinaan/naiktaraf infrastruktur ladang seperti pengairan, perparitan, jalan ladang, kemudahan air, elektrik, pagar kawat berduri, input pertanian dan kemudahan kejenteraan.
- c. Menyediakan pembiayaan projek tanaman ladang seperti ubi kayu dan jagung pada kadar maksimum RM 2,000/ha meliputi kos pembersihan kawasan, naiktaraf infrastruktur ladang seperti sistem pengairan, perparitan dan jalan ladang.
- d. Menyediakan pembiayaan projek perladangan organik (penanaman secara terbuka) pada kadar maksimum RM 8,000/Ha yang meliputi kos pembinaan bangsal kompos, input-input untuk membuat kompos *Indigeneous Micro Organisms* (IMO) dan baja organik.

Bantuan ini disediakan kepada petani kecil dengan syarat-syarat kelayakan seperti berikut:

i. mempunyai hak milik tanah;

SOALAN NO: 34

- ii. mempunyai surat kebenaran mengguna atau menyewa tanah;  
dan
- iii. mengusahakan tanaman di atas tanah yang bercerun tidak melebihi daripada 25 %.

Di samping itu, khidmat kepakaran teknikal untuk agronomi tanaman, pengurusan tanah serta kawalan perosak dan penyakit juga diberikan kepada petani.

Dengan bantuan-bantuan yang telah disediakan untuk pengusaha ini, tiada geran disediakan untuk pekebun kecil yang telah mengusahakan tanah lebih daripada 10 tahun.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUA BELAS   (2010)  \_\_\_\_\_

DARIPADA                   PUAN TAN AH ENG [ GELANG PATAH ]

PERTANYAAN   :   LISAN

TARIKH                   5 APRIL 2010

Puan Tan Ah Eng [ GELANG PATAH ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan akan melaksanakan peruntukkan nafkah bagi wanita Islam yang sedang melalui proses serta tidak diberikan nafkah oleh suami mereka; dan
- (b) adakah Kerajaan akan memberi bantuan kepada wanita bukan Islam yang menghadapi masalah sama.

JAWAPAN: Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI  
JAMIL KHIR BIN BAHAROM (B), MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, usul penubuhan Kumpulan Wang Sokongan Keluarga (KWSK) akan dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada sidang Parlimen ini bagi tujuan penyaluran dana Kerajaan Persekutuan berjumlah RM15 juta untuk Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Setelah KWSK diluluskan oleh Parlimen barulah peruntukan tersebut akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang tersebut dan kemudian akan diberikan kepada ibu-ibu tunggal yang layak sebagai bayaran awal nafkah sepertimana yang diperintahkan oleh Mahkamah Syariah.
- (b) Kerajaan juga sedar dan perihatin berkenaan masalah yang dihadapi oleh wanita bukan Islam yang sedang dalam proses perbicaraan perceraian. Pada masa ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sedang mengadakan kajian berkenaan perkara tersebut dari sudut perundangan dan juga pentadbiran. Yang Berhormat disaran berurusan dengan Kementerian tersebut untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

|                   |  |
|-------------------|--|
| <b>PERTANYAAN</b> | <b>LISAN</b>                                   |
| <b>DARIPADA</b>   | <b>TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)</b>               |
| <b>TARIKH</b>     | <b>5 APRIL 2010</b>                            |
| <b>SOALAN</b>     | <b>Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:</b> |

bilangan pelancong ke Malaysia untuk tahun 2008 dan 2009 mengikut pecahan negeri. Nyatakan juga pelancong asing dan domestik untuk setiap negeri pada dua tahun ini dan apakah program pelancongan serta kosnya untuk Pulau Pinang ini Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan pelancong asing ke Malaysia pada tahun 2009 adalah seramai 23.65 juta orang di mana ia meningkat sebanyak 7.2 peratus berbanding pada tahun 2008 iaitu seramai 22.05 juta orang. Bagi pecahan

## JAWAPAN

bilangan pelancong pada setiap negeri, Kementerian Pelancongan buat masa ini tidak mempunyai data mengenainya. Walau bagaimanapun, Kementerian serta agensi yang berkaitan sedang dalam tindakan untuk merangka metodologi yang sesuai bagi memperolehi statistik dan data bilangan pelancong asing bagi setiap negeri di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua

Pada tahun 2009, sebanyak 51 program telah dijalankan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia yang melibatkan kos



perbelanjaan sebanyak RM500.000. Antara program, aktiviti dan acara yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- i) Majlis pelancaran Promosi Homestay Pulau Pinang;
- ii) Malaysia Travel Fair 2009 di Queensbay Mall, Pulau Pinang;
- iii) Penang International Food Festival;
- iv) Promosi Makanan dan Kebudayaan Negeri Pulau Pinang;
- v) World Amateur Inter Team Golf Competition (WAITGC);
- vi) Tourism Day di Sunway Carnival Mall, Seberang Jaya;
- vii) MATTA Travel Fair di PISA, Pulau Pinang; dan
- viii) Lawatan Agro & Ecotourism Pulau Pinang.

NO. SOALAN: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI

ABD RAHMAN [ TANJONG MANIS ]

TARIKH 5 APRIL 2010

SOALAN

Y.B. Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan bercadang untuk meningkatkan royalti minyak dan gas kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk mempercepat pembangunan dan untuk membasmi kemiskinan di negeri Sarawak; dan
- (b) jika tidak, apakah sebab-sebabnya.

#### JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula kadar bayaran royalti petroleum kepada kerajaan- kerajaan negeri yang berkenaan termasuk Sarawak.

Peruntukan mengenai bayaran royalti kepada Kerajaan Pusat dan kerajaan-kerajaan negeri terkandung dalam Perjanjian Perkongsian Pengeluaran (PSC) yang ditandatangani antara PETRONAS dan rakan PSC (Shell, Exxonmobil, dan sebagainya). Sebarang tindakan untuk meminda kadar royalti perlu dirundingkan semula antara PETRONAS dan rakan-rakan PSC berkenaan. Memandangkan kontrak PSC berkuatkuasa untuk satu tempoh tertentu, sebarang langkah untuk memindanya lebih-lebih lagi untuk menaikkan kadarnya, dikhuatiri akan menghakis minat dan keyakinan syarikat minyak asing untuk bergiat dalam industri hulu petroleum yang melibatkan aktiviti penerokaan, carigali dan

pengeluaran minyak dan gas di negara ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN AMRAN BIN AB GHANI

TARIKH: 5 APRIL 2010

SOALAN:

Y.B. Tuan Amran bin Ab Ghani [ Tanah Merah ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :-

- (a) jumlah rakyat Malaysia bekerja, menetap dan memohon kerakyatan di Singapura; dan
- (b) kaedah bagi mengelakkan agar tenaga mahir dalam negara tidak berterusan berhijrah ke republik berkenaan.

PR-1231-L36393

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

a) Kementerian Sumber Manusia tidak mempunyai maklumat yang lengkap mengenai bilangan rakyat Malaysia yang menetap, bekerja dan memohon kerakyatan Singapura. Menerusi satu kajian oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) sebagaimana dilaporkan oleh Boston Universiti, didapati pada tahun 2000 seramai 785,000 orang yang berasal dari Malaysia telah menetap di luar negara iaitu 3.3 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 40 peratus menetap di Singapura.

Tuan Yang Di Pertua,

Sebilangan besar rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura tidak berminat untuk mendaftar secara sukarela di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura. Selain itu, Kerajaan Singapura juga memaklumkan bahawa negara tersebut tidak mempunyai maklumat mengenai bilangan sebenar pekerja Malaysia yang bekerja di Singapura. Walau bagaimanapun, sehingga bulan Disember 2009, seramai 8423 rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura, telah mendaftar di Suruhanjaya Tinggi Malaysia.

Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia tidak mempunyai maklumat mengenai jumlah rakyat Malaysia yang menetap di Singapura sebagai Penduduk Tetap (*Permanent Resident*) kerana maklumat ini tidak dihebahkan oleh Kerajaan Singapura.

Bilangan rakyat Malaysia yang memohon untuk menolak kewarganegaraan (*renunciation of citizenship*) Malaysia untuk menjadi warganegara Singapura sejak tahun 2003 hingga 2009 adalah seramai 23,233 orang. Daripada jumlah tersebut, lebih kurang 95% adalah kaum Cina, 3% kaum India, 1.6% kaum Melayu dan 0.4% lain-lain kaum.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelbagai inisiatif telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan penghijrahan rakyat Malaysia ke luar negara sama ada ke Singapura atau ke nagara-negara lain. Antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan bagi mengelakkan penghijrahan rakyat Malaysia keluar negara serta menggalakkan rakyat Malaysia di luar negara pulang ke Malaysia termasuklah:

- (i) melalui pelaksanaan Model Ekonomi Baru (MEB). Antara pendekatan yang ditekankan adalah:
  - a. menyuburkan kembali sektor swasta untuk menerajui pertumbuhan ekonomi;

Tuan Yang Di Pertua,

- b. mewujudkan ekonomi domestik yang berdaya saing;

- c. meningkat dan memperluaskan sumber pertumbuhan sektor ekonomi;
  - d. menyeru kesemua rakyat Malaysia yang telah meninggalkan tanah air ini untuk kembali semula dan bersama-sama mengembleng tenaga dalam proses transformasi negara;
  - e. menaikkan kadar upah pekerja yang lebih tinggi bagi keseluruhan ekonomi disebabkan pertumbuhan bukan sahaja daripada modal, tetapi juga daripada produktiviti yang tinggi melalui penggunaan kemahiran dan inovasi, koordinasi yang diperbaiki, penjenamaan yang kukuh dan mematuhi piawaian antarabangsa dan hak harta intelektual; dan
  - f. pekerja kolar biru akan diberi upah berdasarkan peningkatan kompetensi yang mereka miliki, dengan prestasi mereka akan diukur berdasarkan tanda aras pesaing antarabangsa.
- (ii) membangunkan wilayah-wilayah pembangunan koridor seperti Iskandar Malaysia, East Coast Economic Region (ECER), Northern Corridor Economic Region (NCER), Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE) dan Sabah Development Corridor (SDC). Wilayah Pembangunan Koridor ini menyediakan pelbagai peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia dalam pelbagai sektor dan bidang; dan
  - (iii) melaksanakan Program Menggalakkan Warganegara Malaysia Berkepakaran yang Bekerja di Luar Negara Pulang ke Malaysia di bawah Kementerian Sumber Manusia. Sehingga 31 Mac 2010, 634 rakyat Malaysia berkepakaran dari jumlah 1500 pemohon telah kembali bekerja di Malaysia.



Namun begitu, disebabkan oleh faktor **persaingan** yang sengit di kalangan pengilang untuk mendapatkan bekalan padi, hampir kesemua pengilang di dalam industri sanggup untuk menawarkan kadar potongan (pemukuan) yang lebih rendah iaitu sekitar 17% hingga 18% walaupun pada musim basah yang mana sepatutnya peratus potongan (pemukuan) adalah lebih tinggi dari itu.

Walau bagaimanapun, kaedah potongan (pemukuan) semasa yang diamalkan oleh para pengilang di dalam industri pada masa ini dilihat tidak akan membantu mempertingkatkan mutu padi negara dalam jangka masa panjang walaupun ianya memberikan pulangan yang baik kepada petani.

Oleh itu, semua pihak yang terlibat dalam industri padi negara perlu diberi penerangan untuk mewujudkan kesedaran terhadap pentingnya pelaksanaan **Kaedah Pemukuan Sebenar** yang dijangka akan dapat memberikan pulangan yang lebih baik kepada semua pihak khususnya para petani di masa hadapan.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN BAGI JAWAB**  
**LISAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

|                   |  |
|-------------------|--|
|                   | <b>JAWAB LISAN</b>   |
| <b>PERTANYAAN</b> |  |
| <b>DARIPADA</b>   | <b>YB DATO' KAMARUDIN BIN JAAFAR [TUMPAT]</b>  |
| <b>TARIKH</b>     | <b>5 APRIL 2010</b>  |
| <b>SOALAN</b>     | <b>YB DATO' KAMARUDIN BIN JAAFAR [TUMPAT] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan biiakah Kerajaan bercadang untuk membuka kedutaan Malaysia di Baitulmuqaddis.</b> |

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini, Kerajaan Malaysia tidak bercadang untuk menubuhkan Perwakilan Diplomatik Malaysia di Baitulmuqaddis, Paiestin memandangkan wiiayah tersebut masih berada di bawah penguasaan rejim Israel. Walau bagaimanapun, Malaysia akan mempertimbangkan secara serius kewajaran untuk menubuhkan Perwakilan Diplomatik Malaysia di sana setelah pihak berkuasa Paiestin berjaya menubuhkan sebuah negara Paiestin yang merdeka, bebas dan berdaulat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA : DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN  
TAIB ( LANGKAWI)**

**TARIKH**

**5 APRIL 2010**

**SOALAN**

**Meminta**

**MENTERI**

**PELANCONGAN menyatakan:**

- a) adakah Kementerian memantau agar kebersihan, keindahan dan kecantikan Langkawi terjaga sebagai pusat pelancongan; dan
- b) adakah Kementerian memantau dan sekiranya perlu menghadkan bilangan pelancong yang mandi di kepulauan Pulau Payar.



TAWAPAN  
Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memantau aspek-aspek pembangunan Langkawi termasuk aspek kebersihan, keindahan dan kecantikan pulau tersebut sebagai satu destinasi pelancongan utama di negara ini. Bagi melihat sendiri pembangunan dan perkembangan industri pelancongan di Langkawi di samping melihat dan memantau aspek-aspek kebersihan, keindahan dan kecantikan di pulau tersebut, Y.B. Menteri Pelancongan dan Y.B. Timbalan Menteri Pelancongan telah mengadakan lawatan kerja ke Pulau Langkawi, masing-masing dari 13 hingga 16 Januari 2010 dan 1 hingga 2 Februari 2010. Lawatan kerja ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan yang sentiasa menekankan pembangunan industri pelancongan di setiap negeri termasuk Langkawi dalam menjadikan pulau tersebut sebagai salah satu destinasi pelancongan utama negara.

Dalam usaha menjadikan Langkawi sebagai satu destinasi pelancongan yang terunggul, penglibatan Kerajaan semata-mata adalah tidak mencukupi. Masyarakat tempatan juga perlu bekerjasama dengan

JAWAPAN

Kerajaan dalam menjadikan pulau tersebut sebagai *Top of Mind Destination*, dengan izin.

Antara usaha-usaha yang dijalankan Kerajaan dalam memantau kebersihan, keindahan dan kecantikan Langkawi adalah:

- (i) Menganjurkan aktiviti Mega Gotong-Royong seperti di Pulau Payar melibatkan lebih 150 orang;
- (ii) Melakukan kerja-kerja landskap dan pengindahan di Pantai Tengah dan Pantai Chenang;
- (iii) Peningkatan kemudahan pelancongan seperti membina dan menaik taraf dataran dan tandas; dan
- (iv) Melakukan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan dan pengindahan di pintu masuk utama ke Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua,

Tidak dinafikan bahawa Pulau Payar merupakan pulau yang mempunyai Taman Laut yang dapat menarik ramai pelancong. Buat masa ini, bilangan kemasukan pelancong ke Pulau Payar adalah terkawal dan tempoh





Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan buang sekolah merupakan hukuman yang dilakukan terhadap murid yang telah melakukan salah laku atau tingkah laku yang mengganggu berulang kali dan didapati tidak berubah selepas tindakan memulihnya dilakukan oleh Pengetua, atau tingkah laku yang mendatangkan gangguan serius kepada murid-murid lain dan terhadap keseluruhan disiplin sekolah. Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Disiplin Murid yang diwujudkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), telah meneliti kes-kes tersebut dan telah meminta semua sekolah mengambil tindakan wajar di peringkat sekolah masing-masing agar ianya dapat dibendung di peringkat awal. Bagi murid-murid yang telah dikenakan tindakan buang sekolah, ibu bapa atau penjaga murid berkenaan boleh membuat rayuan kepada Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) untuk bersekolah semula. Setiap rayuan akan diteliti agar kesalahan yang sama tidak berulang dan sekiranya rayuan tersebut diterima maka penempatannya adalah tertakluk kepada keputusan Pengarah JPN masing-masing.

**NO. SOALAN:**

**51 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE**

**[ SETIU ]**

**TARIKH: 5 APRIL 2010**

**SOALAN**

**Y.B. Dato' Mohd Jidin bin Shafee [ Setiu ] minta PERDANA MENTERI**

menyatakan apakah alasan Kelantan tidak layak menerima royalti petroleum dan usaha yang dilakukan bagi memberi kefahaman kepada rakyat di negeri berkenaan akan hal tersebut agar ianya tidak dikelirukan oleh pihak tertentu dan bagaimana kepentingan negeri Terengganu, Pahang dan Johor kepada perkara yang sama.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi perundangan, negeri-negeri di Semenanjung hanya mempunyai hak untuk menuntut pembayaran royalti bagi sumber petroleum yang dihasilkan daripada perairan negeri tersebut. Dalam hal ini, perairan negeri masing-masing adalah ditakrifkan sebagai kawasan yang terletak tidak melebihi tiga batu nautika yang diukur dari tikas air surut (*low water mark*, dengan izin) atau pesisir pantai negeri tersebut.

Pada masa ini, tidak ada pengeluaran petroleum dalam kawasan perairan negeri-negeri di Semenanjung. Oleh itu, dari segi perundangan, negeri-negeri berkenaan tidak ada hak untuk menuntut pembayaran royalti petroleum.

Pelbagai usaha telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk memberi penjelasan kepada rakyat Kelantan mengenai pembayaran wang ehsan. Antara lain, menganjurkan majlis penerangan kepada badan-badan berkaitan serta penjelasan melalui media cetak dan elektronik.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA  
TARIKH

TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA

5 APRIL 2010 (ISNIN)

SOALAN

NO.52

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [ Padang Terap ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan kekecohan yang berlaku sepanjang pilihan raya kampus baru-baru ini terutama di UM, UKM dan UPM. Apakah sebab dan cara penyelesaian yang diambil oleh Kerajaan.

TAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya, proses pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di semua IPTA bagi sesi 2009/2010 telah berjalan dengan baik dan lancar. Semua calon diberi peluang untuk berkempen dan mereka juga boleh mengemukakan bantahan jika tidak berpuas hati dengan keputusan pemilihan.

Walau bagaimanapun, semasa pemilihan tersebut berlangsung terdapat sebilangan kecil pelajar tidak berpuas hati dan membantah penggunaan sistem e-undi yang dianggap telah dimanipulasi. Pihak universiti diarah menjalankan siasatan segera terhadap aduan tersebut dan pelajar juga dibenarkan melantik perunding bagi menguji sistem e-undi. Hasil siasatan menunjukkan bahawa penggunaan e-undi terbukti tidak menjejaskan integriti keputusan pemilihan. Disamping itu, terdapat juga aduan tentang pihak pengurusan yang mengendalikan proses pemilihan MPP. Perkara ini dipandang serius dan IPTA masing-masing diarah mengambil tindakan ke atas mana-mana pihak yang melanggar peraturan atau menyalahgunakan kuasa.



NO. SOALAN: 53  
PERTANYAAN : LISAN  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
DARIPADA Y.B. DATUK DR MUHAMMAD LEO  
MICHEAL TOYAD

TARIKH 5 APRIL 2010

SOALAN:

Y.B. Datuk Dr Muhammad Leo Micheal Toyad [ Mukah ] minta PERDANA MENTERI menyatakan

Bilakah Lapangan Terbang SCORE di Mukah akan dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Mukah, projek Lapangan Terbang Mukah yang dirancang dalam Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) sedang dalam peringkatkerja-kerja awalan.

Pada masa ini, Pelan Induk Lapangan Terbang (*Airport Master Plan*) telah disiapkan. Penyediaan reka bentuk sedang dijalankan dan dijangka siap sepenuhnya pada Ogos 2010. Selepas itu, proses perolehan akan dijalankan dan pelaksanaan kerja-kerja awalan fizikal tanah (*earthwork*) dijadualkan bermula pada akhir 2010. Mengikut perancangan, keseluruhan kerja pembinaan Lapangan Terbang Mukah termasuk kerja-kerja '*landside*' dan '*airside*' dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2013.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
TARIKH :  
5 APRIL 2010

SOALAN :

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah syarat-syarat untuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengambil keterangan dari seseorang yang diperlukan untuk memberi keterangan dalam kes yang berprofil tinggi.

JAWAPAN:            Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Prosedur mengambil keterangan saksi diperuntukkan di bawah Seksyen 30 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) 2009 manakala prosedur bagi Orang Yang Tertuduh (OTT) pula dibuat mengikut Seksyen 53 Akta yang sama. Prosedur-prosedur tersebut terpakai ke atas mana-mana individu tanpa mengambil kira status atau kedudukan mereka.



**A/O: 5S**

SJ.B/(88)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA :** DATO' SERI ONG KA CHUAN  
(TANJONG MALIM)**PERTANYAAN :** LISAN**TARIKH :** 05.04.2010 SOAUN No 55

Dato' Seri Ong Ka Chuan (Tanjong Malim) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan langkah-langkah menyeluruh yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah inflasi yang mungkin akan timbul kesan daripada tindakan Amerika Syarikat menambah bekalan wang kira-kira tiga kali ganda dalam masa dua tahun kebeiakangan ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun Kerajaan Amerika menyuntik dana kecairan yang besar bagi menyokong sistem kewangan mereka, namun tindakan tersebut tidak memberi impak ketara ke atas inflasi. Ini adalah kerana para pelabur mengamalkan sikap berhati-hati dan menjadikan kecairan tersebut sebagai perlindungan kepada sebarang kemungkinan kejutan ekonomi di dalam persekitaran ekonomi yang mencabar. Sejak dua tahun kebeiakangan ini, inflasi bukan dicetuskan oleh lebihan kecairan di dalam pasaran domestik atau matawang asing. Sebaliknya, telah disumbang oleh kekangan dalam penawaran dan kenaikan permintaan serta aktiviti spekulasi yang menyumbang kepada peningkatan mendadak dalam



harga makanan dan komoditi.

2. Kerajaan sentiasa memantau dengan rapi perkembangan luaran dan domestik untuk menilai kesannya kepada pertumbuhan ekonomi dan inflasi negara. Objektif Kerajaan adalah untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dalam persekitaran harga yang stabil. Kadar inflasi meningkat 5.4% pada tahun 2008 berikutan terutamanya pelarasan harga runcit petrol dan dieisel disebabkan kenaikan ketara harga minyak mentah di pasaran dunia. Manakala kadar inflasi meningkat 0.6% pada tahun 2009 berikutan penurunan harga runcit petrol dan diesel sebanyak enam kali sejak bulan Ogos 2008. Ini berikutan penurunan ketara harga komoditi minyak serta makanan akibat kemelesetan ekonomi global.

3. Kerajaan amat prihatin terhadap kesan inflasi kepada rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah dan telah mengambil pelbagai langkah untuk meringankan beban peningkatan kos sara hidup. Antara langkah yang diambil termasuk:

- i. Memberi subsidi bagi petrol dan diesel serta barangan makanan seperti beras ST15%, gula dan tepung gandum;
- ii. Mengawal harga petrol, diesel dan gas masak serta beras ST5% dan ST10%, gula, susu pekat manis dan tepung gandum;
- iii. Menyeragamkan harga beberapa barang makanan asas serta petrol, diesel dan gas masak di Sabah dan Sarawak dengan harga di Semenanjung Malaysia;
- iv. Mengawal bekalan barangan keperluan supaya tidak berlaku kekurangan penawaran yang boleh memberi kesan kepada harga;
- v. Melaksanakan Dasar Jaminan Makanan untuk meningkatkan pengeluaran barang makanan terutamanya padi, sayur-sayuran dan buah-buahan; dan
- vi. Memansuhkan duti import ke atas beberapa barang makanan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Inflasi dijangka sederhana pada tahun 2010 dalam lingkungan 2% hingga 2.5%, dan langkah-langkah yang telah diambil Kerajaan setakat ini adalah sesuai untuk membantu rakyat jelata. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedia melaksanakan program yang lebih menasarkankan golongan yang mudah terjejas (dengan izin, *the vulnerable group*) sekiranya kadar inflasi meningkat.



PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN:  
DARIPADA

LISAN  
TUAN JEFF OOI CHUAN AUN  
(JELUTONG)

TARIKH  
SOALAN

5 APRIL 2010 (ISNIN)  
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun minta MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk  
menjamin keseluruhan rangkaian makanan (food  
chain) industri ternakan babi serta bekalan daging  
babi tidak terganggu-gugat di samping tidak lagi  
menimbulkan sebarang kesangsian kepada orang-  
orang bukan Islam.

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia telah mencapai tahap sara diri pengeluaran daging babi sebanyak 96% sejak tahun 2006. Pengeluaran daging babi pada tahun 2006 telah menurun daripada 216,747 tan metrik kepada 191,855 tan metrik pada tahun 2009. Ini juga adalah selari dengan penurunan permintaan daging babi dalam negara daripada 223,757 tan metrik kepada 199,116 tan metrik bagi tempoh yang sama. Bagi menjamin

bekalan daging babi tempatan adalah mencukupi, Kerajaan telah melaksanakan penternakan babi di *Pig Farming Area* (PFA) dan *Modern Pig Farming* (MPF) secara terancang iaitu seiring dengan langkah memelihara alam sekitar.

Bagi menjamin bekalan daging babi adalah selamat untuk kegunaan manusia, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) telah melaksana dan menguatkuasakan Akta 698 - Akta Makanan Haiwan 2009 pada 1 Januari 2010. Ini adalah bertujuan untuk menjamin kualiti rangkaian makanan industri ternakan adalah selamat. Melalui Akta ini, pemantauan dan penguatkuasaan dapat dibuat terhadap penggunaan ubat-ubatan dan bahan-bahan kimia terlarang seperti *Beta Agonist*, *Nitrofurans* dan *Chloramphenicol* dalam keseluruhan rangkaian rumusan makanan ternakan babi agar bekalan daging babi adalah selamat untuk dimakan. Di antara tindakan-tindakan yang telah diambil oleh JPV adalah:

- i) bekerjasama dengan Bahagian Kawalan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memantau kegiatan salah guna *Beta Agonist* di semua peringkat pengeluaran bagi memastikan tahap kegunaan sifar *Beta Agonist* dengan mengenakan penalti yang tinggi iaitu tidak melebihi RM 100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 20(2) Akta Makanan Haiwan 2009;
- ii) memeriksa ladang-ladang babi yang dilaporkan terdapat kejadian kes selesema babi termasuk pengambilan contoh

darah dan calitan dari hidung bagi pengasingan virus dan penetapan tahap *prevalens* penyakit ini; dan

menjadikan Institut Penyelidikan Veterinar di Ipoh, Perak, Makmal Kesihatan Haiwan Kebangsaan di Pulau Pinang dan Makmal Kesihatan Awam Veterinar di Salak Tinggi, Selangor sebagai pusat pengujian.

SOALAN NO:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

LISAN

PERTANYAAN

TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING [KULAI]

DARIPADA

5 April 2010

TARIKH

SOALAN

TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING [KULAI]

minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan adakah Kementerian mempunyai program menggantikan struktur jambatan dan pemetung yang melintangi Jalan Persekutuan yang dibina sejak tahun 1960-an untuk menampung air hujan bagi mengelakkan banjir kilat berlaku pada tanah sebelah jalan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sememangnya mempunyai program menggantikan jambatan dan pemetung yang terdapat di sepanjang Jalan Persekutuan bagi meningkatkan keselamatan pengguna-pengguna jalan raya di samping mengatasi masalah banjir yang berlaku akibat dari saluran yang tidak sempurna.

Program mengganti jambatan ini telah mula dilaksanakan sejak Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) dan terus dilaksanakan hingga Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan telah dicadangkan juga pada Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

Pada setiap tahun, pihak Kementerian melaksanakan Program Pemeriksaan Mandatori Tahunan Jambatan (PMTJ) untuk menilai tahap keupayaan, kapasiti hidraulik dan kerosakan setiap jambatan dan pemetung. Kerosakan yang dikenal pasti pada jambatan dan pemetung akan di baik pulih secara penyenggaraan sekiranya pembaikan tersebut ekonomik dan kos efektif. Mengganti jambatan dan pemetung hanya akan dilaksanakan apabila didapati telah mengalami kerosakan struktur, kelemahan bahan dan ketidakcukupan ruang aliran sungai (*hydraulic constriction*).



NO SOALAN: sf

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : YB DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY

TARIKH : 5 APRIL 2010

SOALAN :

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan Malaysia akan menjalankan siasatan terperinci terhadap pemimpin-pemimpin tertinggi parti MIC dan pegawai-pegawai tertinggi *Maju Institute of Educational Development* (MIED) yang dituduh telah menyeleweng dana dari institut ini yang sepatutnya diberikan kepada pelajar- pelajar India yang miskin.

JAWAPAN: Y.B. DATO\* SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung kes yang dibangkitkan oleh YB Batu Kawan masih lagi dijalankan. Kertas Siasatan akan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya setelah siasatan selesai.





kebanyakannya terdapat di kawasan pedalaman Sabah, komputer juga dibekalkan berdasarkan kelayakan sekolah.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISA**

**N**

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH**

**SIM**

**DARIPADA**

**KAWASAN**

**SEPUTEH**

**TARIKH**

**5.4.2010 (Isnin)**

**NO. SOALAN**

**: 60**

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pelaburan asing terus (foreign direct investment/FDI) yang masuk ke Malaysia pada tahun 2007. 2008. 2009 dan kuarter pertama 2010 mengikut negara. Sila nyatakan juga dana yang mengalir keluar dari Malaysia pada tahun 2007. 2008. 2009 dan kuarter pertama 2010.

**Jawapan**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Menurut perangkaan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), jumlah pelaburan asing terus (FDI) yang diluluskan di Malaysia dalam sektor perkilangan pada tahun 2007 adalah sebanyak RM33.4 bilion dan telah meningkat kepada RM46.1 bilion pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh kemelesetan ekonomi global serta pemberhentian perluasan syarikat multi-nasional di seluruh dunia. FDI telah menurun kepada RM22.1 bilion pada tahun 2009. Perangkaan bagi kuarter pertama tahun 2010 belum dikeluarkan secara rasmi oleh pihak MIDA.



Dari segi negara sumber pelaburan, lima negara yang telah membuat pelaburan yang terbanvak dari tahun 2007 hingga 2009 adalah:

- Jepun sebanyak RM20.0 bilion:
- Australia sebanyak RM15.4 bilion:
- Amerika Svarikat sebanyak RM14.1 bilion:
- Jerman sebanyak RM8.6 bilion: dan
- Singapura sebanyak RM7.0 bilion.

Tuan Yang Di Pertua,

Menurut perangkaan imbangan pembayaran negara yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia (DOSM), pelaburan langsung Malaysia ke luar negara pada tahun 2007 adalah sebanyak RM38.2 bilion dan telah meningkat kepada RM50.2 bilion pada tahun 2008. Walaubagaimanapun, bermula daripada bulan Januari sehingga September 2009, pelaburan langsung Malaysia ke luar negara telah menurun dengan jumlah pelaburan sebanyak RM21.8 bilion disebabkan oleh krisis ekonomi dunia. Perangkaan BOP bagi kuarter pertama tahun 2010 masih belum dikeluarkan oleh DOSM.

Pelaburan langsung Malaysia ke luar negara melibatkan sektor perlombongan dan galian, intermediasi kewangan, perkhidmatan dan pertanian. Negara utama tumpuan pelaburan langsung Malaysia ke luar negara adalah British Virgin Island, Singapura, Thailand, Australia, Indonesia dan China.

NO. AUM : 43 NO. AUP :

<bV



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN TENG BOON SOON [ TEBRAU ]

TARIKH 5 APRIL 2010

RUJUKAN 2440

SOALAN:

Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan dalam pelaksanaan sistem pentadbiran "My ID" bagaimana Kementerian memastikan privasi pemilik kad pengenalan tidak terjejas dan hanya pihak yang beramanah sahaja mempunyai akses kepada maklumat yang tersimpan di dalam cip ID dan maklumat peribadi tidak disalah gunakan.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli yang Berhormat Tebrau yang mengemukakan pertanyaan.

Pelaksanaan sistem pentadbiran 'MyID' adalah satu inisiatif Kerajaan yang menggunakan nombor Kad Pengenalan sebagai nombor rujukan tunggal untuk warganegara Malaysia berurusan sebagai individu dengan agensi Kerajaan.

Tuan Yang DiPertua,

Elemen-elemen keselamatan MyID diberi perhatian serius oleh Kerajaan di dalam pelaksanaan penggunaan MyID. Pelbagai kaedah digunakan oleh agensi-agensi yang terlibat (atau *user*) di dalam memastikan hanya pemilik MyID yang sah yang berurusan dengan agensi Kerajaan. Semakan yang teliti terhadap identiti pengguna MyID akan dibuat oleh agensi-agensi Kerajaan yang terlibat sebelum sebarang maklumat atau perkhidmatan diberikan kepada pengguna. Sebagai contoh, di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) maklumbalas-maklumbalas pelanggan yang menggunakan MyID dihantar melalui pos atau emel kepada alamat berdasarkan rekod LHDN dan tidak didedahkan melalui telefon.

Di samping itu, semua penjawat awam adalah terikat dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 di mana semua maklumat Kerajaan tidak boleh didedahkan ataupun disalahgunakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

DARIPADA PE  
RT  
AN  
TARIKH AY  
AN

LISA  
N

**YB DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN  
DAHLAN (Kota Belud)**

**5 APRIL 2010**

**SOALAN**

YB Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci projek-projek yang akan dilaksanakan di bawah inisiatif NKRA di kawasan Parlimen Kota Belud.

**JAWAPAN: (YB TAN SRI DR KOH TSU KOON)**

Tuan Yang di-Pertua

Secara terperinci, projek-projek di bawah inisiatif NKRA di kawasan parlimen Kota Belud melibatkan tiga **NKRA (National Key Results Area)** iaitu NKRA bagi meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah (*Low Income Household atau LIH*), NKRA bagi meningkatkan infrastruktur prasarana asas luar bandar (*Rural Basic Infrastructure atau RBI*) dan NKRA meningkatkan akses kepada pendidikan (**Pendidikan**).

Di bawah **NKRA LIH**, sejumlah 1, 038 isirumah miskin tegar (sehingga 2 April 2010) telah dikenal pasti melalui sistem e-Kasih untuk diberikan bantuan yang bersesuaian. Di antara jenis-jenis bantuan yang bakal ditawarkan kepada isi rumah berpendapatan rendah di bawah sistem ini adalah seperti bantuan peningkatan pendapatan melalui Program 1AZAM iaitu AZAM Kerja, AZAM Tani, AZAM Niaga dan AZAM Khidmat, wang tunai, pelajaran dan latihan, kesihatan, peningkatan kemudahan asas dan awam, perumahan, kebajikan, subsidi dan bantuan guaman.

Bagi **NKRA RBI**, projek - projek yang akan dilaksanakan pada 2010 melibatkan 9 buah projek bekalan elektrik yang akan memanfaatkan 597 rumah, 10 buah projek jalan yang melibatkan jumlah sepanjang 29 km dan juga 1 buah projek membaik pulih rumah yang melibatkan 349 rumah. Bagi perancangan tahun 2011 pula, sebanyak 2 buah projek bekalan air akan dilaksanakan yang memanfaatkan 5,200 rumah dan juga 1 buah projek bekalan elektrik melibatkan 60 buah rumah.

Bagi **NKRA Pendidikan** pula, di antara inisiatif yang telah diperkenalkan adalah penambahan bilangan kelas prasekolah bagi memberikan kemudahan pendidikan awal kepada kanak-kanak di luar bandar. Sehingga April 2010, terdapat sebanyak 41 buah sekolah rendah yang menawarkan program

prasekolah dengan sejumlah 49 bilangan kelas pra-sekolah. Bagi perancangan tahun 2011, sebanyak 3 buah sekolah rendah lagi akan ditambah dengan masing-masing 1 kelas prasekolah baru.

| INFRASTRUKTUR |                               | TAHUN |      |      |
|---------------|-------------------------------|-------|------|------|
|               |                               | 2010  | 2011 | 2012 |
| AIR           | Bil. Projek                   |       | 2    | 43   |
|               | Jumlah Buah Rumah Terlibat    |       | 5200 | 6574 |
| ELEKTRIK      | Bil. Projek                   | 9     | 1    |      |
|               | Jumlah Buah Rumah Terlibat    | 597   | 60   |      |
| JALAN         | Bil. Projek                   | 10    |      | 3    |
|               | Jumlah Kilometer              | 29    |      | 14   |
| RUMAH         | Bil. Projek (Baikpulih Rumah) | 1     |      |      |
|               | Jumlah Buah Rumah Terlibat    | 349   |      |      |

|                                | TAHUN            |                    |                    |
|--------------------------------|------------------|--------------------|--------------------|
|                                | 2010 (SEDIA ADA) | 2011 (PENINGKATAN) | 2012 (PENINGKATAN) |
| Bilangan Sekolah Yang Terlibat | 41               | 3                  | 1                  |
| Bilangan Kelas Pra-Sekolah     | 49               | 3                  | 1                  |

JUMLAH



kepada peningkatan kualiti pembelajaran seperti mengelakkan penyusunan semula organisasi yang melibatkan pertambahan perjawatan, menghadkan perjalanan dan bilangan pegawai yang terlibat bagi menjalankan tugas rasmi, mengurangkan perbelanjaan berkaitan keraian, menjimatkan penggunaan utiliti serta mengawal perbelanjaan-perbelanjaan lain yang kurang penting. Ini kerana Kerajaan amat prihatin kepada betapa mustahaknya pembangunan modal insan berkualiti diteruskan dalam apa juga suasana ekonomi negara.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, langkah mengurangkan defisit fiskal adalah penting dalam memastikan ekonomi negara kembali ke landasan pembangunan yang lebih kukuh dan mapan. Jika ini dapat dicapai, dan hasil negara dapat ditingkatkan, pejuang untuk menambah perbelanjaan bagi pendidikan dalam jangka sederhana dan panjang dapat dilakukan.

***kiz***

NO.AUM : 21

NO.AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH [ JASIN ]

TARIKH 5 APRIL 2010

RUJUKAN 2438

SOALAN:

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [ Jasin ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah strategi  
untuk menangani lambakan warga asing yang mendatangkan kesan isu  
sosial, isu keselamatan dan juga menjejaskan imej negara dan  
ketenteraman awam.

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Jasin yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia mengalu-alukan kedatangan warganegara asing berkunjung ke negara ini, memandangkan industri

JAWAPAN:

pelancongan merupakan industri penyumbang kedua terbesar kepada sektor ekonomi negara. Dengan demikian, isu lambakan warganegara asing tidak akan timbul sekiranya kita boleh memastikan setiap warganegara asing yang berkunjung ke negara ini keluar selepas tempoh masa yang ditetapkan. Pada masa yang sama pemantauan, kawalan dan penguatkuasaan yang bersepadu dan berterusan akan dapat mengurangkan masalah-masalah berkaitan isu sosial, jenayah, keselamatan negara, ketenteraman awam dan imej negara yang membabitkan warganegara asing. Dalam hubungan ini, sepanjang tahun 2009 sebanyak 7,099 operasi penguatkuasaan telah dijalankan oleh Jabatan Imigresen Malaysia di seluruh negara, dengan tangkapan berjumlah 47,310. Sepanjang tempoh tersebut juga Jabatan Imigresen Malaysia telah mengusir seramai 46,641 orang pulang ke negara asal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memperkemas aspek rekod, pemantauan dan pengesanan terhadap warganegara asing, Kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan makmal (*management lab*) khas untuk mencari penyelesaian mengenai isu-isu ini. Inisiatif ini bertujuan mencari resolusi berkesan termasuklah dari aspek undang-undang, sistem, prosedur dan penguatkuasaan.





Peningkatan Guru Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**JAWAB LISAN  
DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL  
RAHMAN**

**TARIKH  
SOALAN**

**5 APRIL 2010  
(ISNIN) N0.66**

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [ Pasir Salak ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik murid-murid sekolah dari Parlimen Pasir Salak yang telah mengikuti kursus-kursus pengajian kritikal dalam tempoh RMK-9 di universiti- universiti tempatan dan luar negara dan lulus dengan cemerlang serta berjaya sebagai profesional dalam bidang perubatan, kejuruteraan, kewangan dan lain-lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kajian Pengesanan Graduan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) atau *Tracer Study* yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi merupakan kajian dapatan pekerjaan graduan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian. Berdasarkan kajian tersebut, bilangan responden graduan dari Pasir Salak pada tahun 2009 di IPTA, IPTS, politeknik dan kolej komuniti ialah seramai 235 orang. Daripada jumlah tersebut, bilangan graduan dalam kursus kompetitif ialah seramai 59 orang dalam bidang kejuruteraan, 15 graduan perakaunan, 2 graduan perubatan dan 2 graduan farmasi.



*SULIT*

NO SOALAN : 67

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA Y.B DATUK HAJI MOHAMED  
BIN HAJI AZIZ (SRI GADING)  
TARIKH 05.04.2010  
(ISNIN)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah rancangan yang berkesan pihak Kementerian dalam meningkatkan lagi hubungan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan rakyat.

*SULIT*

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Membantu agensi awam adalah merupakan salah satu peranan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) semasa waktu aman. Usaha dan rancangan untuk merealisasikan peranan berkenaan serta meningkatkan dan mengeratkan lagi perhubungan di antara ATM dengan rakyat adalah melalui program kebajikan, memberi perkhidmatan kepada masyarakat dan bantuan/operasi bencana alam. Selaras dengan itu, salah satu KPI Menteri Pertahanan adalah pelaksanaan Program Jiwa Murni di setiap kawasan Parlimen. Ini merupakan penglibatan dan sumbangan ATM kepada masyarakat ke arah pembangunan Negara melalui program- program Jiwa Murni yang telah dirancang.

Tuan Yang Di-Pertua,

Walaupun ATM mempunyai peranan dan komitmen yang penting untuk menjaga dan mengawasi keselamatan Negara, namun ATM tetap komited melaksanakan program Jiwa Murni sebagai sebahagian tanggungjawab sosialnya kepada agama, bangsa dan Negara. Penglibatan ATM melalui program-program Jiwa Murni telah dapat membantu Kerajaan dalam melaksanakan pelbagai rancangan pembangunan Negara. Tenaga kepakaran yang terdapat dalam ATM seperti Rejimen Jurutera, Kor Kesihatan, Kor Agama dan Pendidikan

*SULIT*

digunakan sebaik mungkin agar dapat membantu rakyat miskin yang terpinggir terutama di kawasan pedalaman.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT**

**PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN  
KEDUA BELAS (2010)**

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN HAJI NASHARUDDIN BIN MAT ISA  
[BACHOK]

TARIKH 5 APRIL 2010

SOALAN :

TUAN HAJI NASHARUDDIN BIN MAT ISA minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh JAKIM di dalam menangani isu-isu pertindanan bidang kuasa Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil.

JAWAPAN : (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM(B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia(JAKIM), sebagai salah sebuah agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal agama Islam di Malaysia, sentiasa berusaha dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya berdasarkan skop tugas dan bidang kuasa yang digariskan bagi menangani isu pertindanan bidang kuasa Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Misalnya membantu pihak Jabatan Peguam Negara, iaitu pihak yang berautoriti dalam menangani masalah



pertindanan bidang kuasa tersebut dengan memberi maklumat yang dikehendaki dan memberikan pandangan dalam membuat cadangan pindaan kepada undang-undang yang berkaitan.

Di samping itu, JAKIM yang merupakan sekretariat kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) dan bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa yang dilantik di bawah MKI, seperti Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil, mengumpulkan pakar-pakar perundangan sivil dan Syariah bagi membincangkan dan menyelesaikan isu-isu yang melibatkan pertindanan bidang kuasa tersebut.

Sekian, terima kasih.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN  
RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN WEE CHOO KEONG [ WANGSA MAJU ]

TARIKH 5 APRIL 2010 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Wee Choo Keong [ Wangsa Maju ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan mengapa BERNAMA Synergy Drive Sdn Bhd dibenarkan berhutang kepada BERNAMA semasa mengendalikan BERNAMA TV dan sudahkah pihak BERNAMA memperoleh bayaran hutang berkenaan, jika belum apakah tindakan yang akan dikenakan kepada BERNAMA Synergy Drive Sdn Bhd.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

BERNAMA TV Synergy Sdn Bhd (BRTV) merupakan syarikat usahasama yang mengendalikan operasi stesen BERNAMA TV. BERNAMA melalui anak syarikatnya, BERNAMA Berhad memegang 33% ekuiti dalam syarikat usahasama tersebut. Dalam usahasama ini, BERNAMA bersetuju membekalkan kakitangan, menyewakan ruang pejabat dan peralatan kepada syarikat BRTV. Walau bagaimanapun, setelah setahun beroperasi, bayaran sewa ruang pejabat dan gaji kakitangan tidak dibayar balik kepada BERNAMA

dan keadaan inilah yang dikatakan sebagai kos operasi yang perlu ditanggung oleh syarikat berkenaan. Untuk makluman Yang Berhormat, perjanjian baru dimerterai pada 29 Mac 2010 dan melalui perjanjian tersebut, masalah ini selesai.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN  
KEDUA BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD.YUSOFF  
[RANTAU PANJANG]

TARIKH 5 APRIL 2010

SOALAN :

PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD.YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah Kerajaan akan menggubal dan membentangkan undang-undang murtad demi menyelamatkan akidah umat Islam di Malaysia.

JAWAPAN : (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM(B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa peka dan mengambil serius mengenai gejala murtad yang berlaku di kalangan umat Islam di negara ini. Pada masa ini, kesalahan berkaitan

aqidah telahpun diperuntukkan dalam undang- undang kesalahan jenayah Syariah negeri-negeri. Di Wilayah Persekutuan, peruntukan berkenaan dengan kesalahan aqidah diperuntukkan dalam Bahagian II Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559 seperti yang berikut:

- (i) pemujaan salah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 3 Akta 559;
- (ii) doktrin palsu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 4 Akta 559;
- (iii) mengembangkan doktrin agama dan sebagainya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 5; dan
- (iv) dakwaan palsu sebagaimana yang diperuntukkan daam Seksyen 6.

Selain daripada itu, Seksyen 55 Akta yang sama memperuntukkan berkenaan dengan kuasa mahkamah untuk memasukkan orang yang disabitkan dengan kesalahan aqidah tersebut ke Pusat Pemulihan Aqidah yang ditetapkan.

Di samping itu, berdasarkan kepada Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan, beberapa buah negeri telah mempunyai undang-undang yang dinamakan sebagai Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam kepada Orang Islam. Undang- undang ini diwujudkan adalah bertujuan untuk mengawal dan menyekat pengembangan iktikad dan kepercayaan agama bukan Islam demi menjamin kesucian agama Islam.

Berdasarkan kepada penjelasan yang tersebut di atas, Kerajaan berpandangan bahawa pada masa ini undang-undang kesalahan jenayah Syariah yang sedang berkuatkuasa di negeri-negeri adalah memadai untuk membendung sebahagian besar gejala yang bertentangan dengan aqidah dan syariat umat Islam.

Selain daripada penguatkuasaan undang-undang, Kerajaan juga telah, sedang dan akan berusaha untuk memantapkan aqidah umat Islam melalui pelbagai

program yang bersepadu dan terancang bagi membendung dan menangani gejala murtad di negara ini.

Sekian, terima kasih.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [ REMBAU ]

TARIKH 5 APRIL 2010

SOALAN [f] : YB TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [ REMBAU ]  
minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan sebab  
mengapa wakil tetap Malaysia ke Pertubuhan  
Bangsa-Bangsa Bersatu di Vienna, Austria dipanggil  
pulang dan kontrak beliau tidak dilanjutkan.

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH  
[SUBANG]

TARIKH : 29 MAC 2010

SOALAN YB TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH  
[SUBANG]  
minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan  
apakah sebab Duta Mohd Arshad Manzoor Hussain  
dipecat sebagai Wakil Tetap Malaysia ke Bangsa-  
bangsa Bersatu di Vienna walaupun tindakan beliau  
adalah selaras dengan prinsip- prinsip Gerakan



Negara-negara Berkecuali.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN : (a) apakah punca Wisma Putra  
memanggil balik Wakil Tetap  
Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-  
Bangsa Bersatu (PBB) Datuk Arshad  
Manzoor Hussain berhubung  
pengundian pada mesyuarat IAEA di  
Vienna pada 27 November; dan

DARIPADA

TARIKH SOALAN

DEWAN  
RAKYAT  
MALAYSIA

JAWAB LISAN

YB TUAN CHUA  
TIAN  
CHANG [  
BATU ]

(b) apakah rujukan atau arahan Wisma  
Putra sebelum pengundian tersebut  
serta apakah pendirian Malaysia dalam  
IAEA.

31 MAC 2010

YB TUAN CHUA  
TIAN  
CHANG [  
BATU ]  
minta

MENTERI LUAR  
NEGERI  
menyataka  
n

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN : RAKYAT MALAYSIA JAWAB

DARIPADA LISAN

TARIKH YB DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI [  
KUALA KRAI ]

SOALAN 1 APRIL 2010

D YB DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI [KUALA  
E KRAI] minta MENTERI LUAR NEGERI  
menyatakan punca sebenar Kerajaan memanggil  
W balik Wakil Tetap Malaysia di Pertubuhan Bangsa  
Bersatu di Vienna dan menamatkan perkhidmatan  
A beliau ekoran tindakan beliau semasa pengundian  
resdlusi mengecam Iran atas isu nukiear.  
N

## **Jawapan:**

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Subang bertarikh 29 Mac 2010 serentak bersama soalan daripada Yang Berhormat Batu bertarikh 31 April 2010, Yang Berhormat Kuala Krai bertarikh 1 April 2010 dan Yang Berhormat Rembau bertarikh 5 April 2010 kerana soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang sama.

2. Terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan-soalan berkaitan dengan pengundian Malaysia ke atas satu resolusi yang dibentangkan oleh negara Jerman di Mesyuarat Lembaga Gabenor Agensi Tenaga Atom Antarabangsa *atau dengan izin, International Atomic Energy Agency, (IAEA)* yang diadakan pada 27 November 2009 di Vienna, Austria.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Resolusi tersebut pada keseluruhannya mengecam Iran kerana tidak telus dalam soal pembangunan tenaga nuklearnya dan menyeru Iran supaya memberikan kerjasama penuh kepada Agensi Tenaga Atom Antarabangsa bagi menentukan supaya Agensi tersebut dapat mengesahkan bahawa program nuklear Iran adalah untuk tujuan aman, iaitu selaras dengan obligasi Iran kepada masyarakat antarabangsa.

4. Seperti yang diketahui umum, selain dari Cuba dan Venezuela, Malaysia merupakan antara 3 buah negara yang mengundi menentang resolusi tersebut, 25 negara menyokong dan 6 lagi berkecuali.

Kebanyakan negara-negara membangun termasuk dari kalangan anggota

Pergerakan Negara-Negara Berkecuaian (NAM) telah mengundi menyokong ataupun berkecuaian terhadap resolusi ini.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Dalam soal pengundian terhadap resolusi yang penting di pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, semua wakil-wakil Malaysia di luar negara perlu mendapatkan kelulusan daripada pegawai atasan Kementerian Luar Negeri dan [Yang Berhormat] Menteri Luar Negeri sendiri. Tertakluk kepada kepentingan Negara, Malaysia sentiasa memberi keutamaan kepada pendirian kumpulan yang diambil oleh negara-negara membangun termasuk Pergerakan Negara-Negara Berkecuaian (NAM). Dalam hal ini, Perwakilan Malaysia di Vienna telah mengundi untuk menentang resolusi ini walaupun pada ketika itu telah jelas bahawa Pergerakan Negara-Negara Berkecuaian (NAM) tidak sepakat dalam pendiriannya terhadap resolusi tersebut.

6. Dalam hubungan ini, Perwakilan Malaysia di Vienna tidak mendapatkan kelulusan [Yang Berhormat] Menteri Luar Negeri untuk mengundi menentang resolusi tersebut walaupun Pergerakan Negara- Negara Berkecuaian tidak mempunyai pendirian kumpulan. Dengan demikian, Dato' Arshad telah dipanggil pulang untuk memberi penjejasan terhadap pendirian yang telah dibuat oleh beliau atas resolusi tersebut kepada pegawai-pegawai kanan Kementerian Luar Negeri dan juga [Yang Berhormat] Menteri Luar Negeri.  
Tuan Yang di-Pertua,

7. Saya ingin menjelaskan bahawa Dato' Arshad tidak dipecat seperti yang ditakrifkan oleh Yang Berhormat Subang. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Dato' Arshad telah bersara wajib pada tahun 2007. Atas budi bicara Kerajaan, perkhidmatan beliau telah dilanjutkan secara kontrak tahunan sebanyak 3 kali.

Secara kebetulan, kontrak beliau dengan Kerajaan tamat pada 11 Mac 2010.

Sekian, terima kasih.





**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**      **LISAN**  
**DARIPADA**        **YB.TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI) 5 APRIL**  
**TARIKH**            **2010 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Mohd.Firdaus bin Jaafar [ JERAI ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kos yang telah diperuntukkan mengikut Kementerian yang terlibat kepada program Juara Rakyat sejak ianya diperkenalkan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Tiada jumlah khusus diperuntukkan oleh kerajaan bagi program Juara Rakyat. Penglibatan kementerian/ jabatan kerajaan dalam Program Juara Rakyat adalah atas tanggungjawab sedia ada untuk rakyat. Contohnya ialah Polis dan RELA yang menjaga keselamatan dan lalulintas. Ini merupakan tugas biasa mereka. Jabatan lain seperti Penerangan terlibat dalam hebahan Radio FM di negeri yang berkaitan.

Jabatan seperti KEMAS, MADA, KADA, Felda, Felcra, MARA, Pertanian, Veterinar lebih kepada melakukan tindakan pro aktif melibatkan diri atas tanggungjawab sedia ada tanpa melibatkan kos tambahan lain. Mereka menjadi perantara untuk usahawan-usahawan di bawah kelolaan agar mempamerkan produk-produk keluaran Bumiputera bagi meningkatkan pasaran. Usahawan berkaitan yang terlibat mempamerkan produk tanpa penglibatan terus oleh

agensi. Pameran pula adalah percuma. Kaunter SPR untuk mendaftar pemilih juga disediakan percuma oleh urusetia Juara Rakyat.

Oleh itu kos yang terlibat sukar ditentukan kerana pameran yang diadakan adalah tanpa bayaran kepada urusetia program, ia adalah bajet sedia ada di jabatan/agensi berkaitan untuk mempamerkan bahan penerangan yang mereka sudah pun miliki. Sementara itu, kehadiran Program Juara Rakyat adalah terbuka kepada semua tanpa mengira latarbelakang politik atau pun kaum.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN  
DEWAN  
RAKYAT,  
MALAYSIA  
LISAN**

DARIPADA  
ANYAAN

PE  
RT

Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING  
(BINTULU )

TARIKH 05.04.2010 (ISNIN)

NO. SOALAN 73

DATO\* SERI TIONG KING SING ( BINTULU ) minta MENTERI PERDAGANGAN  
DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan

- (a) semenjak perbezaan harga bahan api diesel yang tidak begitu ketara sekarang ini (harga subsidi dengan industri), adakah pihak Kementerian membuat pemeriksaan terhadap pengusaha stesen minyak sama ada mereka melakukan penyelewengan dari segi penjualan; dan
- (b) jika ada, berapakah jumlah pengusaha stesen minyak ini yang telah diambil tindakan dan apakah jenis tindakan yang telah dikenakan.

JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

- a) Kementerian menjalankan pemeriksaan berterusan di semua stesen minyak sama ada yang terletak di kawasan sempadan dan bukan kawasan sempadan bagi

memantau penyelewengan oleh pihak yang tidak bertanggung jawab. Perbezaan harga diesel bersubsidi RM1.70 sen seliter dan bukan subsidi RM 2.05 seliter mulai 1 September 2009 juga menyebabkan pihak yang tidak layak menerima subsidi melakukan penyelewengan. Perbezaan harga diesel yang tinggi di Negara-negara jiran seperti Thailand dan Indonesia juga mendorong berlakunya penyeludupan ke negara berkenaan.

b) Pada tahun 2009, sebanyak 13 kes telah direkodkan yang melibatkan penyelewengan diesel dengan jumlah sitaan 372,286.31 liter dan rampasan bernilai RM698.658.72 sementara pada tahun 2010, sehingga Mac, sebanyak 8 kes telah direkodkan dengan jumlah sitaan 121,246.75 liter dan nilai rampasan RM214,387.64. Bagi pengusaha stesen minyak yang melakukan kesalahan berhubung penyelewengan diesel, pihak Kementerian akan mengeluarkan tawaran kompaun setelah siasatan dilaksanakan. Bagi kes-kes yang dibawa ke Mahkamah, jumlah denda akan ditentukan berdasarkan keputusan perbicaraan.

